

# The Lived Experiences, Challenges, And Coping Strategies of Secondary School Guidance and Counseling Teachers in Johor Bahru

## Pengalaman, Cabaran dan Strategi Daya Tindak Guru Bimbingan dan Kaunseling Sekolah Menengah di Johor Bahru

Nur Azmina Paslan\*, Suriyah Suparman

*Department of Educational Studies and Behavioral Sciences, Faculty of Educational Sciences and Technology, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor, Malaysia*

\*Corresponding author: nur.azmina@utm.my

**Article history:** Received: 11 February 2025 Received in revised form: 01 April 2025 Accepted: 07 May 2025 Published online: 31 October 2025

### Abstract

Technological developments, social changes, and unforeseen circumstances have significantly transformed the landscape of school counseling services. Sudden shifts, particularly during the pandemic era, have exposed School Counselors (GBK) to new challenges such as handling technical issues, unstable internet connectivity, and the need to master digital skills. In this context, resilience is a critical element in ensuring the effectiveness of guidance and counseling services, safeguarding psychological well-being, and preventing the risk of work-related burnout. This exploratory qualitative study aims to examine the experiences, challenges faced, and coping strategies employed by GBK in public secondary schools in the district of Johor Bahru. Using purposive sampling, five participants with 15 to 20 years of professional experience were selected. Data were collected through structured interviews and analyzed using thematic analysis. The findings indicate that long-term career experience forms the foundation for building resilience. Seven key factors contributing to resilience were identified: financial stability, support systems, passion for the profession, spirituality, continuous learning, positive thinking, and a sense of responsibility. The study emphasizes that resilience not only influences GBK's thoughts, emotions, and behaviors but also plays a role in supporting long-term career commitment and enhancing personal well-being. These findings highlight the importance of fostering resilience among educators to strengthen their professional effectiveness and personal well-being.

**Keywords:** Resilience, challenges, guidance and counseling, teachers

### Abstrak

Perkembangan teknologi, perubahan sosial, dan situasi luar jangka telah mengubah secara signifikan landskap perkhidmatan kaunseling di sekolah. Peralihan mendadak, khususnya semasa era pandemik, telah mendedahkan Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) kepada cabaran baharu seperti pengendalian isu teknikal, ketidakstabilan rangkaian internet, serta keperluan menguasai kemahiran digital. Dalam konteks ini, daya tahan menjadi elemen kritikal bagi memastikan keberkesanan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling, memelihara kesejahteraan psikologi, serta mencegah risiko keletihan kerja (burnout). Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif eksploratori bertujuan meneroka pengalaman, cabaran yang dihadapi dan strategi daya tindak yang digunakan oleh GBK di Sekolah Menengah Kebangsaan di daerah Johor Bahru. Melalui kaedah pensampelan bertujuan, lima orang peserta dengan pengalaman profesional antara 15 hingga 20 tahun telah dipilih. Data dikumpul melalui temu bual berstruktur dan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengalaman kerjaya yang panjang menjadi asas kepada pembentukan daya tahan. Tujuh faktor utama yang menyumbang kepada daya tahan dikenal pasti, iaitu kestabilan kewangan, sistem sokongan, minat terhadap kerjaya, spiritualiti, pembelajaran berterusan, pemikiran positif, dan rasa tanggungjawab. Kajian ini menegaskan bahawa daya tahan bukan sahaja mempengaruhi pemikiran, emosi, dan tingkah laku GBK, malah berperanan menyokong komitmen kerjaya jangka panjang serta meningkatkan kesejahteraan diri. Hasil kajian ini menyerlahkan kepentingan memupuk daya tahan dalam kalangan pendidik bagi memperkukuh keberkesanan profesional dan kesejahteraan peribadi mereka.

**Kata kunci:** Daya tahan, cabaran, bimbingan dan kaunseling, guru

© 2025 Penerbit UTM Press. All rights reserved

### 1.0 PENGENALAN

Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) memainkan peranan yang amat penting dalam ekosistem pendidikan negara. Peranan mereka bukan sahaja tertumpu kepada penyediaan perkhidmatan kaunseling, malah melibatkan pembentukan nilai-nilai murni dalam kalangan pelajar demi pembangunan holistik sekolah (Johari et al., 2019). Di samping itu, GBK juga berfungsi sebagai agen perubahan dalam pembangunan modal insan, selaras dengan dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti yang dinyatakan dalam Pekeliling

KP5209/35(4). Namun begitu, profesion ini tidak terlepas daripada pelbagai cabaran seperti masalah disiplin pelajar, gejala sosial, dan pengaruh budaya luar (Noor et al., 2018), yang menuntut tahap daya tahan yang tinggi agar mereka kekal produktif dan berkesan dalam tugas.

Pada tahun 2023, KPM telah mengeluarkan pekeliling baharu yang menekankan kepentingan pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang cekap, beretika, dan menyeluruh di sekolah rendah dan menengah. Garis panduan ini mengkehendaki GBK merancang program tahunan yang merangkumi pembangunan sahsiah murid, pengurusan isu disiplin, pendidikan kerjaya, serta kesejahteraan mental. Walaupun inisiatif ini bertujuan memperkukuh peranan GBK, pelaksanaannya telah menguji keupayaan daya tahan mereka dalam menangani cabaran yang semakin kompleks.

Tambahan pula, pandemik COVID-19 membawa dimensi baharu dalam perkhidmatan kaunseling apabila GBK terpaksa menyesuaikan diri dengan kaunseling dalam talian yang memerlukan kemahiran teknologi, kestabilan internet, dan kecekapan teknikal. Dalam situasi sebegini, daya tahan GBK menjadi elemen penting dalam mengurangkan tekanan, mengekalkan kesejahteraan emosi, dan memastikan kualiti perkhidmatan terus terpelihara (Nor Zainudin et al., 2021; Litam, 2021). Dalam masa yang sama, isu kesihatan mental dalam kalangan pelajar turut menunjukkan peningkatan yang membimbangkan seperti tekanan, penyalahgunaan bahan, buli, dan kecederaan sendiri, termasuk peningkatan kes bunuh diri dalam kalangan remaja seperti dilaporkan oleh KPM antara tahun 2016 hingga 2019. Berdasarkan laporan Kementerian Pendidikan Malaysia tahun 2019 menunjukkan taburan kes bunuh diri dan cubaan bunuh diri meningkat iaitu pada tahun 2016 adalah sebanyak empat kes dan pada tahun 2019 meningkat kepada lapan kes bunuh diri dan dua kes cubaan bunuh diri (Johari et al., 2022).

Isu *burnout* turut menjadi cabaran utama dalam profesion GBK. Beban kerja yang berlebihan, termasuk tugas di luar skop kaunseling, boleh menyumbang kepada keletihan emosi dan penurunan motivasi kerja (Bali-Mahomed et al., 2022). Walau bagaimanapun, *burnout* ini dapat dikurangkan melalui strategi pengurusan diri seperti menjaga keseimbangan emosi, penglibatan dalam aktiviti fizikal, dan memperoleh sokongan sosial yang mencukupi (Bali-Mohomed et al., 2022). Menariknya, GBK yang berpengalaman dilihat mempunyai daya tahan yang lebih kukuh, sekali gus membolehkan mereka terus bertahan dan menyesuaikan diri dengan perubahan kerjaya (Holland & Super, 1987; Wanberg & Collins, 2020).

Selain itu, cabaran berkaitan disiplin seperti ponteng sekolah dan penyalahgunaan bahan turut memberi tekanan kepada GBK. Statistik Agensi Anti Dadah Kebangsaan (2018) menunjukkan seramai 541 remaja dikenal pasti terlibat dalam penyalahgunaan dadah. Situasi ini menuntut GBK untuk memiliki pengetahuan dan kemahiran terkini, serta menjalin kerjasama erat dengan pihak berkuasa seperti polis dan Agensi Anti Dadah Kebangsaan bagi menangani isu secara holistik.

Kesimpulannya, GBK berdepan dengan cabaran kerjaya yang semakin kompleks merangkumi aspek teknologi, tekanan kerja, dan isu kesihatan mental pelajar. Walaupun cabaran ini boleh menjejaskan kesejahteraan mereka, daya tahan tetap menjadi faktor penting dalam membantu GBK mengekalkan kualiti perkhidmatan dan kesihatan psikologi mereka. Justeru, kajian ini dijalankan bagi mengisi kekosongan dalam penyelidikan terdahulu dengan meneliti pengalaman GBK yang membentuk daya tahan mereka. Tumpuan khusus diberikan kepada sokongan pentadbiran, rakan sejawat, serta budaya kerja yang positif, yang dilihat sebagai elemen penting dalam memastikan GBK terus berdaya tahan, berkesan, dan bersemangat dalam profesion mereka.

## ■ 2.0 SOROTAN KAJIAN

Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) memainkan peranan yang sama penting seperti guru akademik, khususnya dalam membimbing murid menangani cabaran emosi, tingkah laku, dan akademik. Pengalaman serta cabaran yang dilalui oleh GBK menjadi asas dalam pembentukan daya tahan mereka, sekali gus membolehkan mereka melaksanakan tugas secara profesional dan beretika. Kajian ini berpandukan teori dan model daya tahan bagi meneroka pengalaman, cabaran, serta tahap daya tahan yang dimiliki oleh GBK.

Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) memainkan peranan penting setanding dengan guru akademik, khususnya dalam membimbing murid menghadapi cabaran emosi, tingkah laku, dan akademik. Pengalaman dan cabaran yang dialami oleh GBK menjadi asas dalam membentuk daya tahan mereka untuk melaksanakan tugas secara profesional dan beretika. Kajian ini menggunakan teori dan model daya tahan untuk meneroka pengalaman, cabaran, dan daya tahan GBK.

GBK di Malaysia dilantik di bawah Akta Kaunselor 1998 dengan pengawasan Lembaga Kaunselor Malaysia (LKM). Tugas GBK bukan hanya melibatkan sesi kaunseling tetapi juga berperanan sebagai agen perubahan dalam pembangunan modal insan. Kajian lepas mendapati pengalaman bertugas membantu meningkatkan efikasi sendiri GBK, iaitu keyakinan mereka untuk menghadapi cabaran dan mencapai matlamat (Noor et al., 2018). Tempoh pengalaman turut mempengaruhi kecekapan dan keyakinan GBK dalam melaksanakan tugas.

GBK menghadapi pelbagai cabaran seperti masalah disiplin murid, penyalahgunaan dadah, tekanan pandemik COVID-19, serta stigma masyarakat terhadap kaunseling. Pandemik memperkenalkan cabaran baru, termasuk peralihan kepada kaunseling dalam talian yang menghadapi kekangan teknologi dan sokongan. Peralihan kepada perkhidmatan kaunseling secara atas talian, terdapat ramai kaunselor menghadapi pelbagai cabaran dan halangan dalam aplikasi kaunseling dalam talian (Nor Zainudin et al., 2021). Menurutnya lagi, perkhidmatan E-Kaunseling menjadi keutamaan semasa Covid-19 kerana perintah kuarantin yang dilaksanakan dan peralihan platform pelaksanaan sesi kaunseling telah memberikan impak tekanan kepada Guru Bimbingan dan Kaunseling. Faktor yang menjadi tekanan kepada mereka adalah melibatkan penggunaan seperti perisihan, video dan alat panggilan dan tahap kelajuan talian internet yang kurang stabil antara dua pihak klien dan ahli terapi (Feijt et al., 2020).

Isu seperti buli siber, kesihatan mental murid, dan kerjasama ibu bapa turut memberi tekanan kepada GBK. Selain itu, tugas luar bidang kaunseling menyumbang kepada keletihan kerja (*burnout*), yang menjejaskan kualiti perkhidmatan mereka. Kajian Noor et al. (2018) mengenai efikasi sendiri dan kecekapan kaunseling pelbagai budaya melibatkan 140 GBK sekolah menengah di Malaysia. Peserta kajiangidategorikan berdasarkan pengalaman kerja: kurang daripada lima tahun, lima hingga sepuluh tahun, dan lebih daripada sepuluh

tahun. Hasil kajian menunjukkan efikasi sendiri peserta adalah tinggi, dipengaruhi oleh pengalaman kerja yang meningkatkan keselesaan dan keupayaan mereka dalam melaksanakan tugas. Walaupun begitu, Noor et al. menyatakan bahawa keselesaan kerja juga bergantung pada pengalaman bertugas di beberapa sekolah, misalnya akibat kenaikan pangkat.

Walaupun kajian ini tidak secara langsung menumpukan kepada daya tahan, efikasi sendiri tetap relevan kerana kedua-duanya saling berkait. Menurut Albert Bandura (1977), efikasi sendiri mempengaruhi pendekatan individu terhadap cabaran, usaha yang diberikan, dan ketahanan mereka dalam menghadapi kesukaran. Daya tahan pula merujuk kepada keupayaan individu untuk mengatasi cabaran, menyesuaikan diri dengan perubahan, dan bangkit semula selepas kegagalan. Kedua-dua elemen ini melengkapi satu sama lain dalam membantu individu menghadapi cabaran dan mencapai kejayaan.

Kajian Shah (2019) terhadap 102 GBK di Malaysia menunjukkan tiada perbezaan ketara dalam kecekapan kaunseling berdasarkan jantina, tahap pendidikan, atau pengalaman profesional. Walaupun pengalaman tidak menjadi faktor utama kecekapan, ia masih memainkan peranan penting dalam membina daya tahan GBK, khususnya dalam menghadapi cabaran kerjaya dan mengekalkan kualiti perkhidmatan. Kajian di Korea oleh Kwon et al. (2012) mendapati hubungan positif antara pengalaman kaunselor, ketepatan empati, dan hasil kaunseling. Kaunselor yang lebih berpengalaman menunjukkan ketepatan empati yang lebih tinggi, sekali gus meningkatkan keberkesanan kaunseling. Walau bagaimanapun, kemahiran yang rendah tetap memberi kesan negatif terhadap hasil sesi kaunseling, walaupun empati mereka tinggi.

Dalam konteks kajian ini, peserta yang berumur antara 40 hingga 45 tahun dipilih berdasarkan *Teori Perkembangan Kerjaya Super*, yang membahagikan perkembangan sendiri kepada lima peringkat: pertumbuhan (lahir hingga 14 tahun), penerokaan (15–24 tahun), pengukuhan (25–45 tahun), pengekatan (45–64 tahun), dan penurunan (65 tahun ke atas). Setiap peringkat mempengaruhi pemilihan dan kestabilan kerjaya seseorang (Sidek Mohd Noah, 2001). Oleh itu, GBK dengan pengalaman kerja yang panjang dapat berkongsi cabaran dan skop kerja mereka, yang penting untuk menjawab persoalan kajian.

Menurut Saidi et al. (2022), kecekapan GBK dalam kaunseling pelbagai budaya terhasil daripada pengalaman mengendalikan pelbagai sesi kaunseling. Pengalaman ini membantu GBK melaksanakan tanggungjawab mereka dengan lebih efektif, menyumbang kepada kemahiran profesional dalam memenuhi keperluan klien pelbagai latar belakang. Pengalaman juga membina daya tahan GBK, memastikan mereka terus berfungsi dengan cekap dalam profesion ini sambil mengatasi cabaran kerjaya. Kajian lanjut disarankan untuk menilai bagaimana pengalaman kerja mempengaruhi daya tahan dan kualiti perkhidmatan GBK, terutama dalam mengekalkan profesionalisme mereka di tengah cabaran yang semakin kompleks.

Objektif kajian ini adalah untuk meneroka pengalaman Guru Bimbingan dan Kaunseling berkaitan di sekolah menengah sekitar kawasan Johor Bahru. Pengalaman yang difokuskan dalam kajian ini adalah melibatkan pengalaman sebagai seorang Guru Bimbingan dan Kaunseling yang mempunyai lingkungan sempadan dalam menjalankan kerja profesional berdasarkan kepada ilmu pengetahuan, pendidikan, latihan, pengalaman diselia, pertauliahkan profesional dan pengalaman kerja.

### ■3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif untuk meneroka pengalaman Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) di sekolah menengah sekitar Johor Bahru. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia sesuai untuk menyelidiki bidang yang kurang diteroka dan memberikan pemahaman yang mendalam tentang fenomena yang dikaji. Menurut Creswell (2007), data kualitatif menekankan kualiti maklumat, di mana proses pengumpulan data dilakukan sehingga mencapai tahap ketepatan. Pendekatan ini membolehkan pengkaji memperoleh data yang lebih terperinci dan bermakna.

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan untuk memilih peserta kajian. Kaedah ini melibatkan pemilihan individu berdasarkan ciri-ciri tertentu yang paling relevan dengan persoalan kajian (Kumar, 2011). Persampelan bertujuan membolehkan pengkaji menumpukan kepada peserta yang dapat memberikan pandangan yang mendalam tentang kajian (Etikan, Musa & Alkassim, 2016). Dalam konteks ini, peserta kajian terdiri daripada GBK yang bertugas di sekolah menengah di Johor Bahru. Sekolah menengah dipilih kerana pelajarannya berada dalam lingkungan umur 13 hingga 17 tahun, iaitu fasa remaja. Rekod kajian terdahulu menunjukkan bahawa kebanyakan kes salah laku dan jenayah melibatkan generasi muda, termasuk murid sekolah.

Protokol temu bual digunakan dalam kajian ini sebagai kaedah pengumpulan data. Temu bual memberikan peluang kepada pengkaji untuk memahami perasaan, pengalaman, dan perspektif peserta dengan lebih mendalam (Liamputtong, 2009). Menurut Taylor (2005), temu bual mendalam bertujuan untuk mendapatkan pandangan peserta berdasarkan pemikiran, perasaan, dan pengalaman mereka. Instrumen utama kajian ini adalah soalan temu bual separa berstruktur, yang dirancang khusus untuk memastikan kaedah temu bual mendalam dapat dilaksanakan dengan berkesan. Penggunaan bahasa dan istilah khusus dalam interaksi antara pengkaji dan peserta kajian adalah penting untuk memastikan maklumat yang diperoleh tepat dan mencukupi (Liamputtong, 2009).

Soalan temu bual terdiri daripada soalan terbuka dan soalan tertutup. Soalan terbuka memberikan kebebasan kepada peserta untuk memberikan jawapan secara naratif atau penjelasan terperinci, membolehkan mereka meluahkan fikiran, perasaan, dan pengalaman mereka dengan kata-kata sendiri (DiCicco-Bloom & Crabtree, 2006). Sebaliknya, soalan tertutup digunakan apabila diperlukan, untuk mendapatkan jawapan yang lebih ringkas atau khusus, dan memastikan peserta merasa selesa sepanjang proses temu bual. Soalan temu bual disusun dalam tiga bahagian utama:

- i. Bahagian A: Borang persetujuan.
- ii. Bahagian B: Demografi peserta kajian.
- iii. Bahagian C: Soalan kajian utama.

Kaedah pengumpulan data melalui temu bual berstruktur yang digunakan untuk mendapatkan maklumat mendalam daripada Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) berkaitan pengalaman, cabaran, dan strategi daya tindak mereka. Soalan temu bual dibangunkan

berdasarkan objektif kajian, merangkumi topik utama seperti pembangunan sahsiah murid, pengurusan disiplin, sokongan psikososial dan kesihatan mental, pembangunan kerjaya, isu kehadiran pelajar, masalah tingkah laku, faktor sosioekonomi, pergaulan bebas, kes berkaitan teknologi, serta pengurusan akademik pelajar. Setiap soalan dirangka bagi mendorong responden berkongsi pengalaman sebenar, langkah intervensi yang telah dilaksanakan, dan pandangan mereka terhadap keberkesanan pendekatan tersebut.

Selain itu, soalan temu bual turut memfokuskan kepada peranan tambahan GBK di sekolah seperti penglibatan dalam kokurikulum, menjadi urusetia program, dan membantu pihak pentadbiran. Pendekatan ini membolehkan penyelidik memahami skop tugas GBK yang melangkaui peranan tradisional kaunseling, serta bagaimana mereka menyeimbangkan pelbagai tanggungjawab tersebut. Dengan merangkumi soalan yang bersifat deskriptif, reflektif, dan berorientasikan pengalaman, kaedah temu bual ini memberi peluang untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi daya tahan GBK, seterusnya menyumbang kepada pembentukan gambaran holistik tentang peranan mereka dalam ekosistem pendidikan.

Analisis data temubual dilakukan secara analisis tematik berdasarkan senarai tema dan sub tema yang dikenalpasti. Tema dan sub tema adalah relevan dengan objektif dan persoalan kajian. Selain itu, penggunaan aplikasi N-vivo tema dan sub tema disusun dan dipetakan untuk lebih jelas untuk diuraikan dalam dapatan kajian. Pendekatan ini memastikan setiap aspek kajian diliputi secara terperinci dan relevan dengan objektif penyelidikan.

## 4.0 DAPATAN

### 4.1 Demografi Peserta Kajian


Lima orang peserta kajian terlibat dalam kajian ini. Kesemua peserta kajian terdiri daripada Guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah menengah kebangsaan yang berbeza di Daerah Johor Bahru. Jadual 1 menggambarkan profil peserta kajian.

**Jadual 1** Profil Demografi Peserta kajian Kajian

| Kod Peserta kajian                                                                                     | DD                          | SF                          | RR                          | ZZ                          | AS                          |
|--------------------------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------|-----------------------------|-----------------------------|-----------------------------|-----------------------------|
| Umur                                                                                                   | 40 tahun                    | 43 tahun                    | 45 tahun                    | 45 tahun                    | 43 tahun                    |
| Jantina                                                                                                | Perempuan                   | Perempuan                   | Perempuan                   | Perempuan                   | Perempuan                   |
| Tahap Pendidikan                                                                                       | Sarjana Muda                | Sarjana Muda                | Sarjana Muda                | Sarjana Muda                | Sarjana Muda                |
| Jenis Sekolah                                                                                          | Sekolah Menengah Kebangsaan | Sekolah Menengah Kebangsaan | Sekolah Menengah Kebangsaan | Sekolah Menengah Kebangsaan | Sekolah Menengah Kebangsaan |
| Tempoh Perkhidmatan Sekolah Terkini                                                                    | 5 tahun                     | 7 tahun                     | 8 tahun                     | 5 tahun                     | 5 tahun                     |
| Tempoh Perkhidmatan Keseluruhan                                                                        | 16 tahun                    | 17 tahun                    | 20 tahun                    | 18 tahun                    | 18 tahun                    |
| Guru Bimbingan dan Kaunseling Berdaftar Lembaga Guru Bimbingan dan Kaunseling Malaysia (LKM) dan Aktif | Berdaftar dan aktif         | Berdaftar dan aktif         | Berdaftar dan aktif         | Berdaftar dan aktif         | Berdaftar dan aktif         |


Nota: Setiap peserta kajian diberi nama samaran untuk menjaga kerahsiaan.

Melalui penerokaan pengalaman Guru Bimbingan dan Kaunseling, kajian ini berjaya mengenal pasti skop utama tugas yang mereka laksanakan. Selain itu, para peserta juga berkongsi pengalaman dalam menangani pelbagai isu berkaitan murid yang pernah mereka uruskan. Mereka turut menceritakan penglibatan mereka dalam bidang tugas yang tidak berkait secara langsung dengan aspek kaunseling. Subtema yang berkaitan dengan pengalaman Guru Bimbingan dan Kaunseling diperincikan dalam Rajah 1.



Rajah 1 Pengalaman Guru Bimbingan dan Kaunseling

### Tema 1: Skop Tugas



Rajah 2 Sub tema bagi skop tugas Guru Bimbingan dan Kaunseling

Rajah 2 memperincikan subtema yang merangkumi pengalaman Guru Bimbingan dan Kaunseling berkaitan skop utama tugas mereka. Berdasarkan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 12 Tahun 2012: Pemerkasaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah, empat fokus utama telah digariskan sebagai skop tugas Guru Bimbingan dan Kaunseling selain melaksanakan sesi kaunseling. Fokus utama tersebut meliputi pembangunan sahsiah diri, pengurusan disiplin, psikososial dan kesihatan mental, serta pendidikan kerjaya. Sesi kaunseling dan perkhidmatan bimbingan yang dijalankan merangkumi keempat-empat bidang tugas ini

#### Sub tema 1: Pembangunan Sahsia Diri

Guru Bimbingan dan Kaunseling memainkan peranan penting dalam membangunkan sahsiah diri murid. Aspek pembangunan sahsiah ini meliputi elemen akhlak dan adab, termasuk budi bahasa, kepemimpinan, kemahiran komunikasi, penampilan diri yang kemas, dan pengurusan masa yang tepat. Kesemua lima peserta kajian berkongsi pengalaman mereka berkaitan skop tugas yang melibatkan pembangunan sahsiah diri murid

*"...Berkenaan perkembangan dan sahsiah diri, biasanya saya akan anjurkan program-program kesedaran seperti ceramah tentang adab, hormat menghormati dan akan sentuh juga dalam kaunseling kelompok." (DD-R1-No.12).*

Berdasarkan transkrip di ini, peserta kajian menekankan kepentingan memupuk sahsiah dan nilai murni dalam kalangan murid melalui gabungan program pendidikan dan intervensi kaunseling. Program kesedaran seperti ceramah mengenai adab dan hormat menghormati digunakan sebagai medium utama untuk membentuk pemikiran positif murid terhadap tingkah laku sosial. Pendekatan ini dilengkapi dengan kaunseling kelompok, yang memberi peluang kepada murid untuk berkongsi pandangan, meningkatkan pemahaman, dan menginternalisasi nilai yang dibincangkan.

*"...Perkembangan dan sahsiah murid, GBK akan adakan program kesedaran tentang adab, hormati menghormati sesama rakan dan orang yang lebih berusia. Macam di sekolah saya, guru-guru setiap minggu akan beri markah kepada anak murid yang mempunyai sahsiah diri yang baik. Contohnya, menawarkan diri membantu guru untuk hias kelas dan murid membuat kerja-kerja membantu secara sukarela akan diberikan point. Setiap bulan kita akan berikan mereka sijil penghargaan ikut kelas yang mana dapat point tertinggi.." (SF-R2-No.13)*

Berdasarkan transkrip ini, peserta kajian menerangkan bahawa usaha pembangunan sahsiah murid bukan sahaja dilaksanakan melalui program kesedaran yang menekankan nilai adab dan hormat menghormati, tetapi juga melalui sistem pengiktirafan berstruktur di sekolah. Melalui penilaian mingguan oleh guru-guru, murid yang menunjukkan sahsiah terpuji seperti membantu guru menghias kelas atau

melakukan kerja sukarela akan diberikan mata (point). Pemantauan ini diakhiri dengan pemberian sijil penghargaan bulanan kepada kelas yang memperoleh markah tertinggi.

*"...dari segi pembangunan dan perkembangan diri murid biasanya akan ada program motivasi menerapkan nilai murni., program kepimpinan dan juga memberi kesedaran kekemasan diri, ketepatan masa dan saling menghormati.." (RR-R3-No.12)*

Berdasarkan transkrip ini, pembangunan dan perkembangan diri murid dilaksanakan melalui program motivasi yang menerapkan nilai-nilai murni, di samping penganjuran program kepimpinan yang membina kemahiran insaniah. Aktiviti ini turut memberi penekanan kepada aspek kekemasan diri, kepatuhan masa, dan saling menghormati antara warga sekolah.

*"...melalui empat bidang ni pelbagai program dilaksanakan untuk murid. Program motivasi, kesedaran pembangunan sahsiah, program adab, pendedahan kerjaya yang tinggi pasarannya. Semua tu GBK kena ambil tahu dan perlu juga buat kajian di internet mengenai isu-isu terkini..." (ZZ-R4-No.8)*

Berdasarkan transkrip ini, jelas menunjukkan pelaksanaan pelbagai program di sekolah adalah berasaskan empat bidang utama perkhidmatan kaunseling, merangkumi program motivasi, kesedaran pembangunan sahsiah, penerapan adab, dan pendedahan kerjaya yang mempunyai potensi pasaran tinggi. GBK perlu peka terhadap kesesuaian dan keberkesanan program dengan membuat kajian mengenai isu-isu semasa, termasuk menggunakan internet sebagai sumber rujukan.

*"...perkembangan dan sahsiah murid adalah dari segi akhlak, adab dan sifat-sifat yang baik. Unit Bimbingan dan kaunseling akan buat program-program kesedaran bersama murid berkenaan pembangunan sahsiah..." (AS-R5-No.12)*

Berdasarkan transkrip ini, jelas menerangkan bahawa pembangunan sahsiah murid merangkumi pembentukan akhlak, adab, dan sifat-sifat positif yang menjadi asas kepada tingkah laku terpuji. Unit Bimbingan dan Kaunseling memainkan peranan aktif dengan menganjurkan program kesedaran yang memberi fokus kepada nilai-nilai ini, bertujuan memupuk kesedaran sendiri dan pembentukan peribadi yang berintegriti dalam kalangan murid. Pendekatan ini menunjukkan komitmen berterusan untuk membina persekitaran sekolah yang berakhlak mulia dan harmoni.

Guru Bimbingan dan Kaunseling bertanggungjawab memberikan pendedahan dan meningkatkan kesedaran murid tentang pembangunan sahsiah diri. Berdasarkan perkongsian peserta kajian, pembangunan sahsiah ini dilaksanakan melalui program-program bimbingan yang menekankan aspek sopan santun, akhlak, dan kepimpinan.

## Sub tema 2: Pengurusan Disiplin

Guru Bimbingan dan Kaunseling bekerjasama dengan jawatankuasa disiplin dan Hal Ehwal Murid untuk mendapatkan laporan berkaitan disiplin murid. Berdasarkan laporan tersebut, mereka mengambil tindakan yang sesuai bagi memperbaiki tahap disiplin murid. Kesemua lima peserta kajian turut berkongsi pengalaman mereka mengenai skop tugas dalam pengurusan disiplin.

*"...Kalau melibatkan disiplin pelajar GBK juga akan kerumah pelajar, terutamanya yang tidak hadir dan keluarga tidak dapat dihubungi.." (DD-R1-No.12).*

Berdasarkan transkrip ini, jelas bahawa dalam menangani masalah disiplin, khususnya ketidakhadiran pelajar ke sekolah, Guru Bimbingan dan Kaunseling mengambil pendekatan proaktif dengan membuat lawatan ke rumah pelajar. Langkah ini diambil terutamanya apabila keluarga pelajar tidak dapat dihubungi melalui saluran komunikasi biasa.

*"...Dari Segi disiplin biasa akan dapat laporan daripada guru disiplin yang bertugas, Kita akan panggil pelajar ni untuk sesi kaunseling..." (SF-R2-No.13)*

Berdasarkan transkrip ini, jelas bahawa pengurusan kes disiplin di sekolah melibatkan kerjasama rapat antara Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) dan guru disiplin. Laporan kes daripada guru disiplin menjadi asas kepada tindakan intervensi, di mana pelajar yang terlibat akan dipanggil untuk sesi kaunseling.

*"...Masalah disiplin selalunya isu ponteng, disini Kawasan bandar tetapi sosio ekonomi banyak yang B40. Masih ada yang datang sekolah tiada duit makan. Ada yang ponteng kerana tiada duit ke sekolah. isu disiplin banyak tapi yang tiap tahun kena hadap biasa nya isu pontenglah. Jadi peningkatan disiplin pelajar ni biasa akan bekerjasama dengan unit Hal Ehwal Murid (HEM) kerana GBK akan panggil berdasarkan laporan disiplin daripada HEM.." (RR-R3-No.16)*

Peserta kajian menjelaskan bahawa ponteng sekolah merupakan masalah disiplin yang paling kerap dihadapi setiap tahun, khususnya dalam kalangan pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah (B40). Faktor sosioekonomi seperti ketiadaan wang untuk makan atau tambang ke sekolah menjadi punca utama ketidakhadiran pelajar. Bagi menangani isu ini, Guru Bimbingan dan Kaunseling bekerjasama rapat dengan Unit Hal Ehwal Murid (HEM), di mana tindakan susulan dilakukan berdasarkan laporan disiplin yang diterima.

*"...Daripada itu kami juga menjalankan program ziarah dimana kami pergi ke rumah-rumah pelajar untuk bertemu dengan ibu bapa, program ini untuk murid yang ada masalah kehadiran. ." (ZZ-R4-No.8)*

Peserta kajian menerangkan bahawa pihak sekolah melaksanakan program ziarah sebagai salah satu bentuk intervensi terhadap masalah kehadiran pelajar. Melalui program ini, Guru Bimbingan dan Kaunseling bersama pihak sekolah mengunjungi rumah pelajar bagi bersemuka dengan ibu bapa atau penjaga. Pendekatan ini bertujuan membina hubungan yang lebih erat dengan keluarga, mendapatkan gambaran sebenar situasi pelajar, serta mencari penyelesaian bersama untuk mengatasi masalah kehadiran ke sekolah.

*"...Pengurusan disiplin, biasanya Unit kaunseling akan dapat laporan masalah disiplin daripada bahagian Hal Ehwal Murid. Disitu kami akan buat sesi kepada murid yang terlibat ada juga kita buat program bimbingan secara kelompok terhadap masalah disiplin yang sama..." (AS-R5-No.12)*

Peserta kajian menjelaskan bahawa pengurusan kes disiplin di sekolah bermula dengan penerimaan laporan daripada Unit Hal Ehwal Murid (HEM). Murid yang terlibat akan dipanggil untuk sesi kaunseling individu bagi menangani isu yang dihadapi secara spesifik. Selain itu, bagi kes yang melibatkan masalah disiplin yang sama, Guru Bimbingan dan Kaunseling turut melaksanakan program bimbingan secara kelompok. Pendekatan ini membolehkan intervensi dilakukan secara lebih menyeluruh, merangkumi sokongan peribadi dan pembelajaran bersama melalui perkongsian pengalaman antara pelajar.

Walaupun sekolah jenis kebangsaan mempunyai guru disiplin yang bertanggungjawab menangani isu disiplin pelajar, Guru Bimbingan dan Kaunseling juga memainkan peranan penting dalam membantu memperbaiki disiplin murid yang kurang memuaskan. Menurut peserta kajian, bantuan ini diberikan melalui sesi kaunseling individu, sesi kaunseling kelompok, serta sesi bimbingan yang melibatkan penjaga. Melalui sesi-sesi tersebut, Guru Bimbingan dan Kaunseling membantu murid mengenal pasti dan menyelesaikan isu-isu yang menjadi punca kepada masalah disiplin yang dihadapi di sekolah.

### Sub tema 3: Psikososial dan Kesihatan Mental

Salah satu tanggungjawab Guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah adalah berkaitan dengan psikososial dan kesihatan mental. Mereka bertugas mengenal pasti tanda-tanda awal masalah kesihatan mental serta memberikan kesedaran dan pengetahuan kepada murid. Lima peserta kajian turut berkongsi pengalaman mereka berkaitan skop tugas dalam aspek psikososial dan kesihatan mental.

*"...psikososial dan kesihatan mental biasanya akan bagi ujian psikometrik macam DASS untuk check Kesihatan mental murid. Ni kita buat setiap tahun. Biasa pada peringkat pertama yang pelajar yang perlu dirujuk akan dikendalikan oleh GBK dahulu. Sekiranya kita dapati tanda-tanda Kesihatan mental yang lebih serius kita akan minta penjaga bawa mereka jumpa pakar ke hospital..." (DDn-R1-No.12)*

Peserta kajian menjelaskan bahawa aspek psikososial dan kesihatan mental murid dipantau melalui pelaksanaan ujian psikometrik seperti DASS secara tahunan. Murid yang menunjukkan skor memerlukan perhatian akan melalui sesi intervensi awal bersama Guru Bimbingan dan Kaunseling. Jika didapati mempunyai tanda-tanda masalah kesihatan mental yang lebih serius, pihak sekolah akan mengesyorkan agar penjaga membawa murid tersebut mendapatkan rawatan lanjut di hospital atau berjumpa pakar. Prosedur ini mencerminkan pendekatan berperingkat dalam pengurusan kesihatan mental murid, bermula daripada saringan, intervensi awal, hinggalah rujukan kepada pihak profesional perubatan.

*".... Bidang psikososial dan kesihatan mental, biasa setiap tahun kita akan buat ujian psikometrik untuk kenal pasti tahap tekanan pelajar, dimana ada stress yang tinggi kita akan buat sesi kaunseling. Melalui sesi kaunseling kita boleh kenal pasti sama ada murid ni perlu dirujuk pakar atau tidak.. "(SF-R2-No.13)*

Peserta kajian menjelaskan bahawa dalam bidang psikososial dan kesihatan mental, pihak sekolah menjalankan ujian psikometrik setiap tahun bagi mengenal pasti tahap tekanan yang dialami murid. Murid yang menunjukkan tahap tekanan tinggi akan menjalani sesi kaunseling sebagai langkah intervensi awal. Melalui sesi ini, Guru Bimbingan dan Kaunseling dapat menilai sama ada murid tersebut memerlukan rujukan lanjut kepada pakar. Pendekatan ini menekankan kepentingan saringan berkala dan kaunseling berfokus untuk memastikan murid yang mengalami tekanan mendapat sokongan yang sewajarnya.

*"....semua murid ada ujian saringan kesihatan mental. Jika ada kes serius akan dirujuk kepada KKM yang lebih pakar. Yang di peringkat awal masih lagi dalam pantauan GBK. Kita pun akan buat program kesedaran tentang kesihatan mental untuk murid.. "(RR R2-No12)*

Peserta kajian menerangkan bahawa semua murid menjalani ujian saringan kesihatan mental sebagai langkah awal mengenal pasti isu psikologi yang mungkin dihadapi. Murid dengan kes serius akan dirujuk kepada Kementerian Kesihatan Malaysia untuk penilaian dan rawatan lanjut, manakala kes di peringkat awal akan kekal dalam pemantauan Guru Bimbingan dan Kaunseling. Selain itu, program kesedaran tentang kesihatan mental turut dianjurkan bagi meningkatkan pengetahuan murid, mengurangkan stigma, dan menggalakkan mereka mendapatkan bantuan apabila diperlukan. Pendekatan ini menggabungkan saringan, intervensi awal, rujukan profesional, dan pendidikan kesihatan mental secara bersepadu.

*"...psikososial dan kesihatan mental, murid setiap tahun kita akan bagi ujian psikometrik untuk dapatkan laporan awal kesihatan mental mereka. ..." (AS-R5-No.12)*

Peserta kajian menjelaskan bahawa dalam bidang psikososial dan kesihatan mental, murid menjalani ujian psikometrik setiap tahun bagi mendapatkan laporan awal mengenai tahap kesihatan mental mereka. Saringan ini berfungsi sebagai asas untuk mengenal pasti pelajar yang memerlukan intervensi awal atau rujukan lanjut, sekali gus membolehkan Guru Bimbingan dan Kaunseling merancang tindakan

susulan yang bersesuaian. Pendekatan ini menekankan pentingnya pemantauan berkala untuk memastikan kesejahteraan psikologi murid sentiasa berada pada tahap yang optimum.

*"...itu lah empat fokus utama yang diberikan oleh KPM untuk kita laksanakan, salah satunya psikososial dan kesihatan mental melalui empat bidang ni pelbagai program bimbingan dan sesi kaunseling dilaksanakan untuk murid." (ZZ-R4-No.8)*

Peserta kajian menjelaskan bahawa Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menetapkan empat fokus utama pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di sekolah, termasuk bidang psikososial dan kesihatan mental. Melalui fokus ini, pelbagai program bimbingan dan sesi kaunseling dilaksanakan bagi menyokong kesejahteraan mental murid. Pendekatan ini mencerminkan peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling sebagai pelaksana utama intervensi yang merangkumi pencegahan, sokongan, dan pemulihan dalam aspek psikologi pelajar.

Guru Bimbingan dan Kaunseling turut bertanggungjawab meningkatkan kesedaran murid tentang psikososial dan kesihatan mental. Semua peserta kajian menyatakan bahawa mereka menjalankan saringan awal menggunakan ujian psikometrik untuk mengenal pasti tahap tekanan murid. Selain itu, mereka bekerjasama dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui klinik kesihatan untuk merujuk kes yang berkaitan dengan kesihatan mental murid. Isu melibatkan kesihatan mental adalah seperti tekanan, kemurungan dan kebimbangan yang memerlukan diagnosis secara klinikal.

#### Sub tema 4: Pendidikan Kerjaya

Pendidikan kerjaya bertujuan mempersiapkan murid untuk menghadapi masa depan selepas tamat sekolah, termasuk membantu murid tingkatan 4 yang ingin menukar bidang pembelajaran. Guru Bimbingan dan Kaunseling bertanggungjawab memberikan pendedahan awal kepada murid mengenai minat dan hala tuju kerjaya mereka. Lima peserta kajian turut berkongsi pengalaman mereka berkaitan tugas pendidikan kerjaya yang diberikan kepada murid.

*"...GBK akan kerjasama dengan pelbagai institusi swasta dan kerajaan dari segi perkembangan kerjaya. iaitu kami beri pendedahan dari segi akademik dan sekarang tengah popular bidang kemahiran TVET" (DD-R1-No.12).*

Peserta kajian menjelaskan bahawa Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) menjalin kerjasama dengan pelbagai institusi swasta dan agensi kerajaan bagi memperkukuh aspek perkembangan kerjaya murid. Pendedahan yang diberikan merangkumi laluan akademik dan bidang kemahiran, dengan penekanan khusus kepada bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang semakin mendapat perhatian. Pendekatan ini membolehkan murid memahami pelbagai pilihan kerjaya dan laluan pendidikan, sekali gus membantu mereka membuat keputusan yang lebih bermaklumat tentang masa depan.

*"...Kerjaya ni kami bantu hala tuju murid selepas tamat belajar. biasa akan ada program-program lawatan ke universiti dan pusat kemahiran. Ada juga kami panggil institusi untuk bagi talk. ..." (SF-R2-No.13)*

Peserta kajian menerangkan bahawa dalam aspek pendidikan kerjaya, Guru Bimbingan dan Kaunseling membantu murid merancang hala tuju selepas tamat persekolahan. Inisiatif ini dilaksanakan melalui penganjuran lawatan ke universiti dan pusat kemahiran, yang memberi peluang kepada murid untuk melihat secara langsung suasana pembelajaran dan peluang yang ditawarkan. Selain itu, pihak sekolah turut menjemput wakil institusi untuk memberi ceramah atau perkongsian berkaitan kerjaya, bagi memperluas pengetahuan murid mengenai pilihan laluan akademik dan kemahiran. Pendekatan ini menggabungkan pendedahan langsung dan perkongsian maklumat sebagai strategi mempersiapkan murid untuk masa depan.

*"...Yang mana menerusi alat instrumen psikometrik ini kita dapat melihat personaliti murid dan seterusnya ke arah kita nak tahu dia punya personality dan juga kaitannya dengan minat kerjaya dan juga laluan-laluan selepas SPM." (ZZ-R4-No.8)*

Peserta kajian menjelaskan bahawa penggunaan alat instrumen psikometrik membolehkan Guru Bimbingan dan Kaunseling mengenal pasti personaliti murid secara lebih terperinci. Hasil penilaian ini digunakan untuk memadamkan minat kerjaya murid dengan laluan pendidikan atau kemahiran yang sesuai selepas SPM. Pendekatan ini membantu murid membuat perancangan kerjaya yang lebih tepat dan selari dengan potensi diri, di samping menyokong objektif pembangunan kerjaya yang berasaskan kekuatan dan minat individu.

*"...kerjaya, biasanya akan jemput kolej-kolej buat ceramah. GBK juga akan jelaskan tentang bidang pengajian di universiti awam. Pendedahan tentang apa yang mereka boleh buat selepas habis SPM, kemana hala tuju mereka tu. Jadi kitalah yang akan buat program-program bimbingan yang bersesuaian dengan murid..." (AS-R5-No.12)*

Peserta kajian menerangkan bahawa dalam aspek pendidikan kerjaya, Guru Bimbingan dan Kaunseling menganjurkan ceramah oleh pihak kolej serta memberikan penjelasan tentang pelbagai bidang pengajian di universiti awam. Pendedahan ini membantu murid memahami pilihan laluan yang tersedia selepas SPM, sama ada dalam bentuk pengajian akademik atau kemahiran. Program bimbingan kerjaya yang dijalankan disesuaikan dengan tahap pencapaian, minat, dan keperluan murid, bagi memastikan setiap pelajar mendapat maklumat yang relevan untuk merancang masa depan mereka.


*"...Pendidikan kerjaya kita akan panggil institusi luar untuk memberikan pendedahan kerjaya atau hala tuju selepas tamat sekolah. Bagi pelajar yang kurang minat bidang akademik kita akan panggil pusat kemahiran*

*untuk memberi pengetahuan kepada murid dan ibu bapa mereka juga” (RR-R3-N0.16)*

Peserta kajian menjelaskan bahawa pendidikan kerjaya di sekolah dilaksanakan dengan menjemput institusi luar untuk memberi pendedahan mengenai laluan kerjaya dan hala tuju selepas tamat persekolahan. Bagi pelajar yang kurang berminat dalam bidang akademik, Guru Bimbingan dan Kaunseling menjemput pusat kemahiran bagi memberi maklumat tentang peluang pembelajaran alternatif. Pendekatan ini turut melibatkan ibu bapa supaya mereka memahami pilihan yang tersedia dan dapat menyokong anak-anak dalam membuat keputusan kerjaya yang bersesuaian dengan minat serta potensi mereka.

Guru Bimbingan dan Kaunseling bertanggungjawab memberikan pengetahuan kepada murid mengenai pelbagai pilihan kerjaya dan peluang pendidikan selepas tamat sekolah. Mereka juga membantu murid mengenal pasti minat serta kebolehan diri untuk merancang kesinambungan pendidikan dalam bidang yang selaras dengan minat dan potensi mereka.

## Tema 2: Isu-isu Murid



**Rajah 3** Sub Tema Isu-Isu Murid

Tema kedua merujuk kepada pengalaman peserta kajian dalam menangani pelbagai isu murid yang sering berlaku setiap tahun. Rajah 3 memperincikan isu-isu yang lazim diuruskan oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah, termasuk masalah disiplin kehadiran, penyalahgunaan bahan, isu sosioekonomi, masalah seksual, dan kesihatan mental.

### Sub tema 1: Disiplin Kehadiran

Kelima-lima peserta kajian berkongsi pengalaman mereka dalam menangani masalah disiplin berkaitan kehadiran murid ke sekolah.

*“...Disini GBK kena mencari punca kenapa pelajar itu tidak hadir. Jadi GBK ni akan cari mereka untuk hadir ke sekolah dan akan buat sesi kelompok dan juga program yang bersesuaian...” (DD-R1-No.14).*

Peserta kajian menerangkan bahawa dalam menangani isu ketidakhadiran murid, Guru Bimbingan dan Kaunseling (GBK) perlu mengenal pasti punca utama masalah tersebut. Usaha ini disusuli dengan mencari pelajar yang terlibat bagi memastikan mereka kembali ke sekolah. Intervensi dilaksanakan melalui sesi kaunseling kelompok dan pelaksanaan program yang bersesuaian dengan keperluan murid. Pendekatan ini menunjukkan gabungan strategi penyelesaian masalah yang bersifat pencegahan, pemulihan, dan sokongan berterusan bagi meningkatkan kehadiran pelajar.

*“...selalunya kes kehadiran. Jadi Guru Bimbingan dan Kaunseling ni kenalah soal siasat kenapa murid ni tak hadir. Kena kenal pasti mereka dimana kalau tak dapat hubungi penjaga. Selalunya kes macam ni kena dapatkan kerjasama penjaga. Ni kes yang biasa adalah setiap tahun. ...”(SF-R2-No.15)*

Peserta kajian menjelaskan bahawa kes kehadiran rendah merupakan isu berulang setiap tahun. Dalam menangani situasi ini, Guru Bimbingan dan Kaunseling perlu menjalankan siasatan bagi mengenal pasti punca ketidakhadiran, termasuk mengesan keberadaan murid apabila penjaga sukar dihubungi. Kerjasama dengan penjaga menjadi aspek penting bagi memastikan intervensi yang dilaksanakan lebih berkesan. Pendekatan ini menekankan peranan proaktif GBK dalam menangani isu kehadiran dengan melibatkan pihak keluarga sebagai rakan strategik dalam penyelesaian masalah.

*“...tapi sekolah ini isu paling banyak adalah isu ponteng sekolah. Biasanya GBK akan buat lawatan sampai ke rumah dan berjumpa dengan ibu bapa. Temujanji dengan ibu bapa agak sukar kerana mereka tiada rumah, tak boleh bercuti” (RR-R3-N0.18)*

Peserta kajian menjelaskan bahawa ponteng sekolah merupakan isu disiplin yang paling kerap berlaku di sekolah. Bagi menangani masalah ini, Guru Bimbingan dan Kaunseling mengambil langkah proaktif dengan melakukan lawatan ke rumah dan bertemu ibu bapa pelajar. Namun, proses ini sering berhadapan cabaran seperti kesukaran menjadualkan temu janji kerana ibu bapa tiada di rumah atau tidak dapat

mengambil cuti kerja. Keadaan ini menunjukkan bahawa walaupun intervensi lawatan rumah berpotensi memperkukuh hubungan dengan keluarga, faktor logistik dan komitmen kerja ibu bapa menjadi halangan utama pelaksanaannya.

*"...Biasa kebanyak kes adalah isu disiplin kehadiran. GBK nak cari punca & cuba membantu murid ni kembali ke sekolah. Saya pernah buat program kumpulkan semua murid yang tidak hadir ni, buat program 'Jom ke sekolah'. Kita selitkan beberapa aktiviti menarik dalam masa yang sama ada nilai dan pengajaran pada mereka. tak de 100% berjaya. Tapi dalam 80% tu kembali hadir ke sekolah belajar macam biasa." (AS-R5-No.14)*

Peserta kajian menerangkan bahawa majoriti kes disiplin melibatkan masalah kehadiran murid. Bagi menangani isu ini, Guru Bimbingan dan Kaunseling mengambil langkah mengenal pasti punca ketidakhadiran sebelum melaksanakan program pemulihan khusus seperti "Jom ke Sekolah". Program ini menggabungkan aktiviti menarik yang diselitkan dengan nilai dan pengajaran untuk mendorong murid kembali bersekolah. Walaupun tidak mencapai kejayaan penuh, intervensi ini berjaya memulihkan kehadiran kira-kira 80% murid yang terlibat. Pendekatan ini menunjukkan keberkesanan strategi kreatif dan berfokus nilai dalam menangani isu disiplin kehadiran.

*"...itu lah empat fokus utama yang diberikan oleh KPM untuk kita laksanakan iaitu pembangunan dan perkembangan diri murid, , peningkatan disiplin. Isu ponteng ni memang dah jadi kebiasaa dan sentiasa ada masalah pelajar tidak hadir tanpa sebab munasabah. Pelbagai pendekatan selain sesi kaunseling ada juga beberapa program kita buat supaya ada perubahan kepada murid ni." (ZZ-R4-No.8)*

Peserta kajian menjelaskan bahawa isu ponteng sekolah merupakan masalah disiplin yang berulang dan sering berlaku dalam kalangan pelajar. Selaras dengan empat fokus utama yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, Guru Bimbingan dan Kaunseling bukan sahaja menjalankan sesi kaunseling, malah melaksanakan pelbagai program intervensi tambahan bagi mengubah tingkah laku murid yang terlibat. Pendekatan pelbagai kaedah ini menunjukkan usaha bersepadu dalam mengatasi masalah kehadiran rendah dengan menggabungkan intervensi kaunseling dan aktiviti pemulihan yang bersifat motivasi serta membina nilai positif.

Masalah kehadiran yang tidak memuaskan merupakan salah satu isu yang sering berlaku di sekolah. Semua peserta kajian menyatakan bahawa gejala ponteng sekolah adalah kes yang paling kerap dihadapi setiap tahun. Guru Bimbingan dan Kaunseling memainkan peranan penting dalam membantu pihak sekolah menangani masalah ponteng atau ketidakhadiran tanpa alasan yang sah, kerana ia memberi kesan negatif terhadap prestasi akademik murid. Oleh itu, pelbagai inisiatif telah dijalankan, termasuk program bimbingan yang melibatkan murid dan penjaga.

## Sub tema 2: Penyalahgunaan Bahan

Tiga peserta kajian berkongsi pengalaman mereka dalam menangani isu murid yang terlibat dengan penyalahgunaan bahan, seperti membawa dan menggunakan rokok serta minuman beralkohol. Guru Bimbingan dan Kaunseling bertanggungjawab membantu mencegah murid daripada terlibat dalam penyalahgunaan bahan tersebut, memandangkan ia membahayakan kesihatan dan murid tersebut masih di bawah umur.

*"...Isu-isu lain yang berat sedikit seperti hisap rokok terutama sekarang ada rokok elektronik yang kecil, jadi senang murid ni nak bawa dan hisap di dalam tandas. Kes bawa barangan terlarang seperti rokok atau minuman alkohol saya akan bagi bimbingan tentang keburukan bahan tersebut. Saya juga buat sesi untuk kenal pasti berapa lama mereka terjebak dengan rokok. Selagi boleh bantu mencegah kita akan bantu..." (ZZ-R4-No.10)*

Peserta kajian menjelaskan bahawa antara isu disiplin berat yang dihadapi di sekolah ialah kes merokok, khususnya penggunaan rokok elektronik yang mudah disembunyikan, serta kes membawa barangan terlarang seperti minuman beralkohol. Dalam menangani isu ini, Guru Bimbingan dan Kaunseling memberikan bimbingan tentang keburukan penggunaan bahan terlarang dan mengadakan sesi kaunseling untuk mengenal pasti tempoh serta tahap penglibatan pelajar. Pendekatan ini menekankan aspek pencegahan awal dan sokongan berterusan bagi mengelakkan pelajar terus terjebak dalam tabiat berisiko tersebut.

*"...isu-isu lain seperti merokok dan bawa bahan terlarang macam rokok elektrik, minuman beralkohol juga ada. Biasa kes-kes macam ni kita bagi teguran awal. Jika masih berulang, pihak kami kena rujuk kepada penjaga juga. sebab murid ni semua di bawah umur." (AS-R5-No.14)*

Peserta kajian menerangkan bahawa kes salah laku seperti merokok, penggunaan rokok elektronik, dan membawa bahan terlarang seperti minuman beralkohol turut berlaku di sekolah. Pendekatan awal yang diambil ialah memberi teguran sebagai langkah pencegahan. Namun, jika kesalahan berulang, Guru Bimbingan dan Kaunseling akan merujuk perkara tersebut kepada penjaga memandangkan murid terlibat berada di bawah umur. Kaedah ini menggabungkan disiplin berperingkat dengan penglibatan ibu bapa sebagai pihak berkepentingan utama dalam menangani tingkah laku berisiko.

*"Pelajar sekolah menengah ni mereka dalam fasa awal remaja dan remaja. Banyak yang mereka nak mencuba. Saya ada handle klien yang ditangkap kerana hisap rokok elektronik di tandas. Mereka saling kongsi dengan kawan-kawan lain. Hal ini dah mempengaruhi hal yang tak baik juga pada rakan-rakan lain. Selain program kesedaran tentang bahaya rokok, dadah dan minuman keras beralkohol. Murid yang di kenal pasti terlibat biasanya, saya akan panggil buat sesi kaunseling. Kita kalau boleh nak cegah mereka ni. Tapi kalau masih berlaku kesalahan berulang, terpaksa juga melibatkan penjaga untuk bekerjasama dengan GBK. Murid -murid ni masih dibawah umur tetap perlu kawalan dapada penjaga juga.." (RR-R3-N0.18)*

Peserta kajian menekankan bahawa murid sekolah menengah, yang berada dalam fasa awal remaja dan remaja, cenderung untuk mencuba perkara baharu termasuk tingkah laku berisiko seperti merokok elektronik di tandas sekolah. Tindakan ini sering memberi pengaruh negatif kepada rakan sebaya. Bagi menangani isu ini, Guru Bimbingan dan Kaunseling melaksanakan program kesedaran tentang bahaya rokok, dadah, dan minuman beralkohol, diikuti sesi kaunseling individu kepada murid yang terlibat. Sekiranya kesalahan berulang, penjaga akan dilibatkan bagi memastikan kawalan dan pemantauan lebih berkesan memandangkan murid masih di bawah umur. Pendekatan ini menggabungkan pencegahan awal, intervensi kaunseling, dan kerjasama keluarga untuk membendung penglibatan murid dalam salah laku penyalahgunaan bahan.

Guru Bimbingan dan Kaunseling bertanggungjawab menangani isu penyalahgunaan bahan yang menyumbang kepada tabiat tidak sihat dalam kalangan murid. Antara masalah yang sering dihadapi ialah merokok, penggunaan rokok elektronik, dan pengambilan alkohol. Guru Bimbingan dan Kaunseling berusaha meningkatkan kesedaran murid tentang bahaya bahan terlarang ini, yang boleh mendatangkan kesan negatif kepada kesihatan tubuh badan.

### Sub tema 3: Sosioekonomi

Empat peserta kajian menyatakan bahawa terdapat murid dari keluarga golongan B40 di sekolah bandar yang menghadapi kekangan kewangan, sehingga menjejaskan kehadiran mereka ke sekolah. Guru Bimbingan dan Kaunseling berperanan penting dalam mengenal pasti murid-murid ini serta berusaha mendapatkan bantuan yang diperlukan untuk membantu mereka.

*"...Dari segi isu ekonomi kawasan bandar ni agak mencabar. Ada lagi murid saya yang tidak ada duit bawa ke sekolah. Ada yang bekerja menyebabkan tidak hadir ke sekolah. Jadi GBK akan buat ziarah cakna terhadap ibu bapa. Mana pelajar yang susah dan ada potensi belajar kita akan beri bantuan hasil dari sumbangan PIBG." (RR-R3-No.14)*

Peserta kajian menerangkan bahawa faktor sosioekonomi menjadi antara punca utama ketidakhadiran murid, walaupun berada di kawasan bandar. Terdapat murid yang tidak mempunyai wang untuk ke sekolah atau terpaksa bekerja, sekali gus menjejaskan kehadiran mereka. Bagi menangani isu ini, Guru Bimbingan dan Kaunseling melaksanakan program ziarah cakna ke rumah ibu bapa bagi memahami situasi sebenar dan membina hubungan kerjasama. Murid yang dikenal pasti mempunyai kesukaran kewangan tetapi berpotensi dalam pelajaran akan diberikan bantuan hasil sumbangan PIBG. Pendekatan ini menunjukkan usaha proaktif GBK dalam mengatasi isu kehadiran melalui intervensi kebajikan yang melibatkan komuniti sekolah.

*"...ada yang daripada keluarga B40, tak nak ke sekolah kerana tiada duit belanja ke sekolah. Jadi mana yang ada isu kemiskinan GBK akan cuba dapatkan bantuan dan sumbangan.." (AS-R5-No.14)*

Peserta kajian menjelaskan bahawa sebahagian murid daripada keluarga B40 enggan hadir ke sekolah disebabkan ketiadaan wang belanja. Bagi menangani masalah ini, Guru Bimbingan dan Kaunseling akan berusaha mendapatkan bantuan atau sumbangan bagi meringankan beban kewangan keluarga. Pendekatan ini menekankan peranan GBK bukan sahaja dalam aspek kaunseling, tetapi juga dalam membantu kebajikan murid sebagai langkah intervensi untuk memastikan kehadiran dan kelangsungan pembelajaran.

*"...Walaupun sini kawasan bandar, tetapi murid kita ada yang dalam kategori miskin bandar. Selalu menjadi isu mereka ni rasa malu dan rendah diri untuk ke sekolah. Malah ada yang tidak mahu bergaul dengan kawan-kawan lain kerana diri mereka yang tidak mampu beli makanan di kantin atau kelengkapan sekolah. Jadi guru-guru yang kenal pasti murid macam ni kita usaha beri bantuan kewangan dan GBK memberi bantuan dari sudut psikologi murid tu sendiri.." (ZZ-R4-No.10)*

Peserta kajian menjelaskan bahawa walaupun berada di kawasan bandar, terdapat murid yang tergolong dalam kategori miskin bandar. Faktor kemiskinan menyebabkan mereka berasa malu, rendah diri, dan enggan bergaul dengan rakan sebaya, khususnya apabila tidak mampu membeli makanan di kantin atau kelengkapan sekolah. Guru yang mengenal pasti murid dalam situasi ini akan berusaha memberikan bantuan kewangan, manakala Guru Bimbingan dan Kaunseling menyediakan sokongan psikologi untuk memulihkan keyakinan diri murid. Pendekatan ini menggabungkan intervensi kebajikan dan kaunseling bagi memastikan murid dapat terus bersekolah serta berintegrasi dalam komuniti rakan sebaya.

*"...Ada lagi murid saya yang tidak ada duit bawa ke sekolah dan bekerja untuk dapatkan duit belanja. Bila bekerja mereka ni tak datang ke sekolah sebab penat dan hilang minat nak ke sekolah. Jadi GBK ni sampai ke rumah mencari pelajar ni, bila kita maklum keadaan keluarga agak susah, pihak sekolah selalunya ada bantuan kebajikan untuk pelajar seperti ini..." (SF-R2-No.16)*

Peserta kajian menerangkan bahawa ada murid yang tidak hadir ke sekolah kerana perlu bekerja bagi mendapatkan wang belanja, menyebabkan mereka penat dan hilang motivasi untuk belajar. Guru Bimbingan dan Kaunseling mengambil langkah proaktif dengan membuat lawatan ke rumah pelajar untuk memahami situasi sebenar. Setelah dimaklumkan keadaan kewangan keluarga yang sukar, pihak sekolah biasanya menyalurkan bantuan kebajikan bagi meringankan beban murid tersebut. Pendekatan ini menggabungkan pemantauan langsung, intervensi kebajikan, dan sokongan emosi bagi memastikan murid dapat kembali bersekolah.

*"...dari segi sosial juga ada walaupun tak banyak, biasa di sekolah ni pelajar remaja bercinta dan ada yang telah buat seks bebas. Penglibatan seks bebas bawah umur memang satu kes berat dan GBK perlu banyak pihak untuk kerjasama dalam masa yang sama menjaga privacy murid." (DD-R1-No.14).*

Peserta kajian menjelaskan bahawa walaupun tidak terlalu banyak, terdapat kes sosial di sekolah yang melibatkan hubungan percintaan remaja, termasuk penglibatan dalam seks bebas bawah umur. Kes ini dikategorikan sebagai serius dan memerlukan kerjasama antara pelbagai pihak untuk tindakan lanjut. Dalam masa yang sama, Guru Bimbingan dan Kaunseling perlu memastikan kerahsiaan murid sentiasa terpelihara bagi menjaga hak privasi mereka. Pendekatan ini menuntut keseimbangan antara aspek intervensi profesional, perlindungan kebajikan murid, dan pematuhan kepada prinsip etika kaunseling.

Meskipun kawasan bandar dilengkapi dengan pelbagai kemudahan, isu sosioekonomi seperti kemiskinan bandar tetap wujud. Guru Bimbingan dan Kaunseling turut berperanan dalam menjaga kebajikan murid dengan berusaha mendapatkan bantuan bagi mereka yang memerlukan. Langkah ini diambil untuk memastikan masalah kewangan tidak menjejaskan kehadiran dan proses pembelajaran murid di sekolah.

#### Sub tema 4: Seksual

Empat peserta kajian berkongsi bahawa isu berkaitan seksual adalah antara masalah yang kerap dihadapi di sekolah. Isu ini melibatkan kes bercinta, berkongsi gambar tidak senonoh, dan dalam kes yang lebih serius, kelakuan seks bebas. Dalam situasi melibatkan kes seks bawah umur, Guru Bimbingan dan Kaunseling bertanggungjawab memaklumkan perkara tersebut kepada ibu bapa, memandangkan murid sekolah tergolong dalam kategori bawah umur. Selain itu, mereka juga berperanan memberikan kesedaran tentang risiko pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan, termasuk gejala seksual, agar murid memahami bahaya yang terlibat dan dapat mengambil langkah pencegahan.

*"... biasa di sekolah ni pelajar remaja bercinta dan ada yang telah buat seks bebas. Penglibatan seks bebas bawah umur memang satu kes berat dan GBK perlu banyak pihak untuk kerjasama dalam masa yang sama menjaga privacy murid." (DD-R1-No.14).*

Peserta kajian menjelaskan bahawa hubungan percintaan dalam kalangan pelajar remaja kadangkala membawa kepada penglibatan dalam seks bebas bawah umur. Kes seperti ini dianggap serius dan memerlukan kerjasama antara pelbagai pihak untuk pengendalian yang berkesan. Dalam proses tersebut, Guru Bimbingan dan Kaunseling perlu memastikan privasi murid terlibat sentiasa terpelihara, selaras dengan prinsip etika profesional. Pendekatan ini menuntut keseimbangan antara tindakan intervensi, perlindungan kebajikan murid, dan pematuhan kepada etika kaunseling.

*"...Terdapat juga yang bawa bahan lucah, sekarang kan ada smartphone, lagi mudah untuk mereka bawa. Biasa kes ni pada peringkat awal memang bahagian disiplin dan bagi surat amaran, tetapi tugas GBK akan buat sesi bimbingan untuk beri kesedaran keburukan yang mereka buat ni tak sihat untuk diri mereka yang masih muda remaja..." (ZZ-R4-No.10)*

Peserta kajian menjelaskan bahawa isu sosial di sekolah bukan sahaja melibatkan hubungan percintaan remaja tetapi turut merangkumi penglibatan dalam seks bebas bawah umur, yang dikategorikan sebagai kes berat dan memerlukan kerjasama pelbagai pihak. Dalam menangani kes-kes ini, Guru Bimbingan dan Kaunseling perlu menjaga privasi murid selaras dengan etika profesional. Selain itu, terdapat juga kes pelajar membawa bahan lucah, yang kini semakin mudah diakses melalui telefon pintar. Kes ini pada peringkat awal ditangani oleh bahagian disiplin dengan pemberian surat amaran, manakala GBK menjalankan sesi bimbingan untuk memberi kesedaran tentang kesan negatif pendedahan seksual terhadap perkembangan diri remaja. Pendekatan ini menggabungkan tindakan disiplin, intervensi kaunseling, dan pendidikan kesedaran sebagai langkah pencegahan dan pemulihan.

*"...Selain itu,ada juga kes bercinta. Biasa lah murid-murid ni meningkat dewasa.Cuma bagi GBK ni kita beri pendedahan keburukan bercinta dan pergaulan bebas lelaki Perempuan. Ye kadang ada yang berdua-duaan tempat sunyi. Kena tegur dan bimbing daripada peringkat awal. Bila dapat laporan kes-kes macam ni. Saya selalu membuat sesi bimbingan atau sesi kaunseling kepada murid. Beri juga pendedahan tentang risiko seks bebas sebagai langkah pencegahan.." (RR-R3-No.14)*

Peserta kajian menjelaskan bahawa hubungan percintaan dalam kalangan murid remaja adalah perkara biasa, namun berpotensi membawa kepada pergaulan bebas yang tidak sihat, termasuk berdua-duaan di tempat sunyi. Guru Bimbingan dan Kaunseling mengambil pendekatan pencegahan dengan memberi pendedahan mengenai keburukan bercinta pada usia sekolah dan risiko seks bebas. Apabila menerima laporan berkaitan, GBK akan menegur dan membimbing murid melalui sesi bimbingan atau kaunseling. Pendekatan ini menekankan intervensi awal dan pendidikan kesedaran sebagai strategi mengurangkan risiko tingkah laku seksual berisiko dalam kalangan murid.

*"... kes melibatkan teknologi seperti menyebarkan gambar bogel. Kes melibatkan murid rasa malu seperti isu penyebaran gambar yang tidak sepatutnya ni. kadang keluarga tak nak report polis, dan kami cadangkan untuk pindah sekolah sebab dia mengganggu emosi murid tu kalau masih di sekolah yang sama." (SF-R2-No.16)*

Peserta kajian menerangkan bahawa terdapat kes penyalahgunaan teknologi di mana murid terlibat dalam penyebaran gambar bogel. Kes sebegini memberi impak emosi yang besar, termasuk rasa malu dan tekanan psikologi kepada murid terlibat. Dalam sesetengah situasi, keluarga enggan membuat laporan polis, menyebabkan Guru Bimbingan dan Kaunseling perlu mempertimbangkan langkah alternatif seperti mencadangkan perpindahan sekolah untuk mengurangkan gangguan emosi. Pendekatan ini menggambarkan keperluan intervensi yang sensitif terhadap emosi murid, di samping mencari penyelesaian yang melindungi kesejahteraan mental mereka.

Murid sekolah menengah berusia antara 13 hingga 17 tahun, berada dalam fasa remaja dan dilindungi oleh perundangan di bawah Akta Kanak-Kanak. Guru Bimbingan dan Kaunseling bertanggungjawab memberikan pendidikan dan meningkatkan kesedaran murid tentang kesan negatif pergaulan bebas atau seks bebas. Mereka berhadapan dengan pelbagai kes berkaitan isu seksual yang memerlukan bimbingan untuk membantu murid memahami risiko yang terlibat. Langkah ini diambil untuk memastikan murid tidak terjerumus ke dalam aktiviti yang boleh mendatangkan bahaya kepada diri sendiri serta menjejaskan proses pembelajaran mereka.

### Sub tema 5: Kesihatan Mental

Kesihatan mental kini menjadi salah satu isu yang mendapat perhatian utama. Kelima-lima peserta kajian berkongsi pengalaman mereka dalam menangani masalah berkaitan kesihatan mental.

*"... Dari segi masalah kesihatan mental, saya rasa baru-baru ni lebih kerap berlaku. Setiap tahun Guru Bimbingan dan Kaunseling akan kerjasama dengan KKM untuk semua pelajar akan menjalani ujian saringan kesihatan mental. Mana yang pada tahap stress GBK akan rujuk pelajar ni. Jika kami lihat ada tanda-tanda kemurungan dan anxiety, kami akan rujuk pada penjaga untuk membawa murid ni menerima rawatan pakar..." (DD-R1-No.14).*

Peserta kajian menyatakan bahawa kebelakangan ini, kes masalah kesihatan mental dalam kalangan murid semakin kerap berlaku. Setiap tahun, Guru Bimbingan dan Kaunseling bekerjasama dengan KKM untuk melaksanakan ujian saringan kesihatan mental bagi semua murid. Murid yang dikenal pasti berada pada tahap stres tinggi akan dirujuk kepada GBK untuk intervensi awal. Sekiranya terdapat tanda-tanda kemurungan atau kebimbangan yang serius, penjaga akan dimaklumkan dan diminta membawa murid mendapatkan rawatan daripada pakar. Pendekatan ini menunjukkan kepentingan kerjasama antara sekolah, agensi kesihatan, dan keluarga bagi memastikan sokongan komprehensif terhadap kesejahteraan mental murid.

*"... Kalau stress dan boleh dikawal biasa akan buat sesi kaunseling. Ada juga kes anxiety yang penjaga dah rujuk pelajar pada pakar tetapi pelajar masih ok boleh belajar macam biasa. Tapi dari masa ke semasa kita akan beri kesedaran juga kepada pelajar tentang Kesihatan mental supaya murid ni tahu tempat rujukan yang sepatutnya..." (RR-R3-No.14)*

Peserta kajian menjelaskan bahawa kes stres yang masih berada pada tahap terkawal biasanya ditangani melalui sesi kaunseling di peringkat sekolah. Terdapat juga kes kebimbangan (anxiety) di mana penjaga telah membawa murid untuk mendapatkan rawatan pakar, namun murid masih dapat mengikuti pembelajaran seperti biasa. GBK menjalankan pemantauan berterusan dan memberikan pendidikan kesedaran mengenai kesihatan mental, termasuk memaklumkan murid tentang saluran rujukan yang sesuai. Pendekatan ini menggabungkan intervensi awal, sokongan berterusan, dan pendidikan kesedaran bagi memastikan murid memiliki pengetahuan dan akses kepada bantuan yang diperlukan.

*"...Macam baru beberapa tahun ni ada juga kes kesihatan mental. Maybe di media banyak kongsi tentang kesedaran dan tanda-tanda ada sakit mental. Jadi murid ni dia akan datang sendiri rujuk kita. Ada juga yang datang-datang beritahu mereka depression. Kita kena semak balik dan berikan penjelasan sakit seperti anxiety, depression tu bukan boleh didiagnos diri sendiri atau Guru Bimbingan dan Kaunseling. perlukan pakar lain..." (ZZ-R4-No.10)*

Peserta kajian menyatakan bahawa dalam beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat peningkatan kes berkaitan kesihatan mental dalam kalangan murid, yang mungkin dipengaruhi oleh liputan media mengenai kesedaran dan tanda-tanda masalah mental. Akibatnya, ada murid yang hadir sendiri kepada Guru Bimbingan dan Kaunseling untuk melaporkan bahawa mereka mengalami "depression" atau gangguan lain. GBK perlu membuat semakan semula dan menjelaskan bahawa diagnosis seperti kemurungan atau kebimbangan tidak boleh dibuat secara sendiri atau oleh GBK, sebaliknya memerlukan pengesahan daripada pakar kesihatan mental. Hal ini menunjukkan keperluan untuk mendidik murid tentang proses rujukan profesional dan peranan sebenar GBK dalam pengurusan kesihatan mental di sekolah.

*"...Memang ada juga kes kesihatan mental seperti sampai cederakan diri sendiri macam cakar badan dan guna pisau carik-carik di lengan. Bila melibatkan kes macam ni membahayakan klien kita, kita perlulah libatkan pihak ketiga seperti ibu bapa dan pentadbiran sekolah. Kita akan minta ibu bapa bawa anak ni berjumpa dengan pakar untuk mendapatkan rawatan selanjutnya..." (ZZ-R4-No.10)*

Peserta kajian menerangkan bahawa terdapat kes kesihatan mental serius dalam kalangan murid yang melibatkan tingkah laku mencederakan diri sendiri, seperti mencakar badan atau melukakan lengan menggunakan pisau. Situasi ini dianggap berisiko tinggi dan memerlukan tindakan segera oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling, termasuk penglibatan pihak ketiga seperti ibu bapa dan pentadbiran sekolah. Murid terlibat akan dirujuk kepada pakar kesihatan mental untuk mendapatkan rawatan lanjut. Pendekatan ini menegaskan keutamaan keselamatan murid serta kepentingan intervensi segera dan rujukan profesional dalam menangani kes sebegini.


*"...juga isu berkaitan kesihatan mental macam kemurungan. Contoh masa kes covid belajar secara online, mereka tak bagi tumpuan. Bila mula bersemuka ada yang dah mula ada rasa malas. Jadi GBK ni kena bantu mereka rasa minat kembali ke sekolah. Macam masalah kebimbangan dan kemurungan ada juga, jadi GBK biasa memberi kesedaran tentang kesihatan mental supaya murid ni tahu keadaan diri mereka dan tahu dimana untuk mereka mengadu..." (SF-R2-No.16)*

Peserta kajian menjelaskan bahawa pandemik COVID-19 memberi kesan kepada kesihatan mental murid, khususnya dalam bentuk kemurungan dan kebimbangan. Semasa pembelajaran dalam talian, ramai murid gagal memberikan tumpuan, dan apabila kembali ke pembelajaran bersemuka, ada yang kehilangan motivasi untuk hadir ke sekolah. Dalam menghadapi situasi ini, Guru Bimbingan dan Kaunseling berperanan memberi kesedaran tentang kesihatan mental, membantu murid memahami keadaan diri mereka, serta memaklumkan tentang saluran bantuan yang sesuai untuk mendapatkan sokongan. Pendekatan ini menggabungkan aspek pemulihan motivasi belajar dan pendidikan kesihatan mental secara serentak.

Guru Bimbingan dan Kaunseling memiliki pengalaman dalam menangani isu-isu berkaitan kesihatan mental murid. Menurut peserta kajian, mereka bekerjasama dengan penjaga untuk memastikan murid yang terlibat mendapatkan rawatan lanjut daripada pakar. Selain itu, Guru Bimbingan dan Kaunseling juga bertindak memberi pemahaman kepada ibu bapa atau penjaga murid, memandangkan tidak semua individu peka terhadap kepentingan isu kesihatan mental.

### Tema 3: Penglibatan Luar Bidang

Rajah 4 menunjukkan tema penglibatan Guru Bimbingan dan Kaunseling terhadap tugas-tugas luar daripada bidang kaunseling.



Rajah 4 Sub Tema Penglibatan Luar Bidang

#### Sub tema 1: Bantu Pencapaian Sekolah

Guru Bimbingan dan Kaunseling turut bekerjasama dengan guru akademik dan pihak pentadbiran sekolah untuk meningkatkan pencapaian keseluruhan sekolah, terutama dari segi peratusan kelulusan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Tiga peserta kajian berkongsi pengalaman mereka dalam menyokong usaha ini, termasuk membantu murid meningkatkan prestasi akademik demi mencapai peningkatan peratusan lulus SPM.

*"...membantu pihak sekolah untuk meningkatkan peratusan lulus SPM. Walaupun GBK ni tak mengajar, jadi kami cikgu kaunseling ini kena juga berusaha bantu untuk pastikan murid yang gagal peperiksaan ini untuk lulus akademik .." (DD-R1-No.16).*

Peserta kajian menerangkan bahawa Guru Bimbingan dan Kaunseling turut memainkan peranan dalam membantu sekolah meningkatkan peratusan kelulusan SPM, walaupun tugas rasmi mereka bukan mengajar subjek akademik. Murid yang gagal dalam peperiksaan akan dikenal pasti dan diberikan sokongan untuk mencapai kelulusan akademik. Peranan ini menunjukkan bahawa fungsi GBK merangkumi aspek sokongan akademik secara tidak langsung, seiring dengan tugas utama mereka dalam bimbingan dan kaunseling.

*"...GBK kena bantu pihak sekolah dan guru untuk pencapaian SPM. Jadi pelajar yang gagal bahasa melayu dan sejarah, GBK akan jumpa untuk melihat cara mereka belajar dan bantu mereka untuk mendapatkan pencapaian sekurangnya lulus. ." (RR-R3-No.16)*

Peserta kajian menyatakan bahawa Guru Bimbingan dan Kaunseling turut membantu pihak sekolah dan guru dalam meningkatkan pencapaian murid bagi peperiksaan SPM, khususnya dalam subjek teras seperti Bahasa Melayu dan Sejarah. GBK akan berjumpa dengan murid yang gagal untuk menilai cara pembelajaran mereka serta memberikan panduan dan motivasi agar mereka dapat mencapai sekurang-kurangnya kelulusan minimum. Peranan ini memperlihatkan sumbangan GBK yang melangkaui fungsi kaunseling tradisional, dengan memberi fokus kepada pemantapan prestasi akademik murid.

*"...Macam tadi dari awal saya ada cerita GBK juga secara tak langsung membantu pihak sekolah untuk meningkatkan peratusan lulus SPM. Kalau memang tak ada harapan nak lulus. Kita cadangkan mereka ke pusat kemahiran yang lebih berfokus sesi pembelajarannya" (AS-R5-No.16)*

Peserta kajian menjelaskan bahawa Guru Bimbingan dan Kaunseling turut terlibat secara tidak langsung dalam usaha sekolah meningkatkan peratusan kelulusan SPM. Sekiranya murid dikenal pasti mempunyai peluang yang rendah untuk lulus, GBK akan mencadangkan laluan alternatif seperti mengikuti pembelajaran di pusat kemahiran yang menawarkan latihan berfokus kepada kemahiran praktikal. Pendekatan ini menunjukkan peranan GBK dalam membimbing murid berprestasi rendah ke arah pilihan yang lebih sesuai dengan kebolehan dan potensi mereka, sekali gus memastikan murid tetap mempunyai haluan pendidikan atau kerjaya selepas tamat persekolahan.

Menurut peserta kajian, walaupun Guru Bimbingan dan Kaunseling tidak terlibat secara langsung dalam pengajaran akademik, mereka tetap berperanan membantu guru akademik dan pihak pentadbiran meningkatkan peratusan pencapaian akademik murid. Murid yang lemah dalam mata pelajaran tertentu sering dirujuk kepada Guru Bimbingan dan Kaunseling untuk mendapatkan bimbingan. Jika murid yang dirujuk masih tidak menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam akademik, Guru Bimbingan dan Kaunseling turut memberikan pilihan kepada mereka untuk melanjutkan pengajian dalam aliran kemahiran yang lebih berfokus kepada bidang tertentu.

### Sub tema 2: Guru Ganti

Guru Bimbingan dan Kaunseling turut terlibat sebagai guru ganti apabila diperlukan. Walaupun tugas ini berada di luar skop kaunseling, ia tetap menjadi tanggungjawab yang perlu dilaksanakan. Kelima-lima peserta kajian berkongsi pengalaman mereka dalam menjalankan peranan sebagai guru ganti.

*"...selalunya ganti kelas untuk cikgu yang cuti sakit atau berkursus. Tapi bila ganti kelas cikgu cuti sakit ke apa saya akan ambil peluang untuk kenal murid-murid.." (DD-R1-No.16)...."*

Peserta kajian menerangkan bahawa walaupun tugas utama GBK bukan mengajar, mereka sering diminta menggantikan kelas guru yang bercuti sakit atau berkursus. Dalam situasi tersebut, GBK mengambil peluang untuk berinteraksi dan mengenali murid dengan lebih rapat. Strategi ini membolehkan GBK membina hubungan mesra, memahami latar belakang murid, serta mengesan isu atau potensi yang mungkin tidak muncul dalam sesi kaunseling formal.

*"...Kadangkala GBK juga perlu bantu pentadbiran dari segi ganti kelas disebabkan guru cuti sakit..." (RR-R3-No.16).*

Peserta kajian menjelaskan bahawa Guru Bimbingan dan Kaunseling turut membantu pihak pentadbiran sekolah dengan mengambil alih tugas menggantikan kelas apabila guru bercuti sakit. Walaupun bukan tugas utama mereka, penglibatan ini memastikan kelancaran operasi sekolah. Peranan sokongan ini menunjukkan fleksibiliti GBK dalam menyumbang kepada pengurusan sekolah di luar fungsi bimbingan dan kaunseling.

*"...Tugas yang biasa GBK lakukan adalah guru ganti jika ada guru yang cuti sakit, jika guru mereka tidak tinggalkan tugas berkaitan saya akan buat apa-apa aktiviti bimbingan la.." (SF-R2-No.18)*

Peserta kajian menerangkan bahawa salah satu tugas biasa GBK ialah menggantikan kelas apabila guru bercuti sakit. Sekiranya guru asal tidak meninggalkan tugas akademik, GBK akan mengisi masa tersebut dengan menjalankan aktiviti bimbingan yang bersesuaian. Pendekatan ini bukan sahaja memastikan masa pembelajaran murid dimanfaatkan, malah membolehkan GBK menyampaikan mesej motivasi, nilai murni, atau kemahiran hidup kepada murid di luar sesi kaunseling formal.

*"...ganti kelas juga ada sekiranya ada cikgu yang cuti sakit. biasanya ada tapi tak banyak..." (ZZ-R4-No.12)*

Peserta kajian menyatakan bahawa Guru Bimbingan dan Kaunseling juga terlibat dalam tugas menggantikan kelas apabila guru bercuti sakit. Walaupun kekerapan tugas ini tidak tinggi, ia tetap menjadi sebahagian daripada peranan sokongan GBK untuk memastikan kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Peranan ini melangkaui fungsi utama kaunseling dan menunjukkan fleksibiliti GBK dalam membantu operasi harian sekolah.

*"...Selalunya ganti kelas guru akademik. Jika ada yang keluar berkhurus atau cuti sakit. Bila jadi guru ganti n, saya guna peluang untuk dekat dengan pelajar di dalam kelas..." (AS-R5-No.16)*

Peserta kajian menyatakan bahawa apabila menggantikan kelas guru akademik yang bercuti atau berkursus, GBK akan memanfaatkan peluang tersebut untuk mendekati murid. Interaksi ini membolehkan GBK membina hubungan rapat, memahami keperluan dan isu murid secara lebih mendalam, serta membentuk kepercayaan yang dapat membantu dalam pelaksanaan intervensi kaunseling.

Tugas guru ganti juga termasuk dalam skop tugas yang melibatkan peranan Guru Bimbingan dan Kaunseling. Peranan ini dilaksanakan untuk membantu apabila guru akademik menghadapi kecemasan atau perlu menghadiri kursus. Namun, Guru Bimbingan dan Kaunseling sering memanfaatkan peluang ini untuk mendekati pelajar dengan lebih mesra dan memahami mereka dengan lebih mendalam.

### Sub tema 3: Kokurikulum Murid

Guru Bimbingan dan Kaunseling turut terlibat dalam aktiviti luar pelajar, termasuk kokurikulum. Meskipun tugas ini berada di luar bidang utama kaunseling, mereka tetap melaksanakannya untuk memastikan pengurusan aktiviti bersama pelajar berjalan lancar. Tiga peserta kajian berkongsi pengalaman mereka yang terlibat dalam aktiviti kokurikulum murid.

*"...Ada juga jadi penyelia kelab persatuan kadet polis dan penyelia sukan bolah jarring. GBK terlibat dengan aktiviti kokurikulum kerana jumlah pelajar yang ramai, jadi kena membantu guru-guru lain juga." (SF-R2-No.18)*

Peserta kajian menjelaskan bahawa Guru Bimbingan dan Kaunseling turut dilibatkan sebagai penyelia kelab/persatuan seperti Kadet Polis dan penyelia sukan seperti bola jaring. Penglibatan ini bertujuan membantu guru-guru lain dalam menguruskan aktiviti kokurikulum, terutamanya memandangkan jumlah pelajar yang ramai. Peranan ini memperlihatkan sumbangan GBK dalam aspek pembangunan sahsiah, kepimpinan, dan keterampilan murid melalui penglibatan aktif dalam aktiviti luar bilik darjah.

*"...Saya juga terlibat dengan kokurikulum murid untuk sukan dan persatuan sebagai urusetia dan penasihat persatuan. . ." (RR-R3-No.16)*

Peserta kajian menyatakan bahawa Guru Bimbingan dan Kaunseling turut berperanan dalam aktiviti kokurikulum sebagai urusetia dan penasihat persatuan. Peranan ini membolehkan GBK menyumbang kepada pembangunan sahsiah, kemahiran sosial, dan kepimpinan murid di luar konteks bilik darjah, selain memperkukuh jaringan hubungan positif dengan pelajar.

*"...saya terlibat dengan aktiviti koku, saya jadi guru penyelia untuk kadet polis, guru takraw dan juga guru kelab persatuan ... " (ZZ-R4-No.12)*

Peserta kajian menyatakan bahawa Guru Bimbingan dan Kaunseling terlibat secara aktif dalam aktiviti kokurikulum dengan memegang peranan sebagai guru penyelia Kadet Polis, mengurus sukan takraw, dan memimpin kelab atau persatuan. Penglibatan ini menunjukkan bahawa GBK tidak hanya berperanan dalam bidang kaunseling, tetapi turut menyumbang kepada pembangunan sahsiah, kemahiran sosial, dan disiplin murid melalui penyertaan dalam aktiviti luar bilik darjah.

Meskipun bidang kokurikulum seperti sukan dan kelab persatuan bukan dalam skop tugas utama Guru Bimbingan dan Kaunseling, mereka tetap turut serta bersama guru akademik lain dalam pelbagai aktiviti murid. Penyertaan ini bertujuan memastikan kelancaran pelaksanaan program kokurikulum murid.

#### Sub tema 4: Urusetia Program

Kelima-lima peserta kajian berkongsi pengalaman mereka terlibat dalam program yang dianjurkan oleh pihak pentadbiran sekolah, di mana mereka berperanan sebagai urusetia atau ahli jawatankuasa program. Bagi Guru Bimbingan dan Kaunseling, tugas ini dianggap sebagai tanggungjawab bersama dalam menjayakan pengurusan sekolah.

*"...kalau sekolah ada hari sukan atau apa-apa program jabatan biasa semua cikgu akan terlibat menjadi urusetia. . ." (DD-R1-No.16).*

Peserta kajian menjelaskan bahawa Guru Bimbingan dan Kaunseling turut terlibat sebagai urusetia dalam pelbagai program sekolah atau jabatan, termasuk acara seperti hari sukan. Penglibatan ini menunjukkan bahawa GBK memainkan peranan menyokong pelaksanaan program besar sekolah bersama guru-guru lain, sekali gus mengukuhkan kolaborasi antara warga sekolah.

*"...macam jadi urusetia program pentadbiran. Acara sukan dan kokurikulum murid. Tapi biasanya GBK akan terlibat sekiranya tidak mengganggu aktiviti unit kami..." (SF-R2-No.18)*

Peserta kajian menyatakan bahawa Guru Bimbingan dan Kaunseling turut terlibat sebagai urusetia dalam program pentadbiran, acara sukan, dan aktiviti kokurikulum murid. Walau bagaimanapun, penyertaan GBK bergantung kepada kelapangan dan tidak mengganggu pelaksanaan aktiviti utama Unit Bimbingan dan Kaunseling. Ini menunjukkan peranan sokongan GBK yang fleksibel dalam memastikan kelancaran pelbagai program sekolah tanpa menjejaskan tanggungjawab utama mereka.

*"...selain itu segala program yang berkaitan dengan sekolah GBK dan cikgu lain juga akan jadi urusetia program anjuran pentadbir sekolah." (RR-R3-No.16)*

Peserta kajian menerangkan bahawa Guru Bimbingan dan Kaunseling turut berperanan sebagai urusetia bagi program-program anjuran pihak pentadbir sekolah, bersama-sama dengan guru lain. Penglibatan ini mencerminkan kerjasama erat antara GBK dan warga sekolah dalam memastikan kelancaran pelaksanaan program serta memupuk semangat berpasukan dalam komuniti sekolah.


*"...tetapi kalau program pihak pentadbiran macam hari guru, sambutan Hari Raya, Maulidur Rasul dan program yang melibatkan penglibatan semua guru GBK juga terlibat. Biasa nya akan menjadi ahli jawatankuasa." (ZZ-R4-No.12)*

Peserta kajian menjelaskan bahawa Guru Bimbingan dan Kaunseling turut terlibat dalam pelbagai program pentadbiran dan sambutan tahunan sekolah seperti Hari Guru, sambutan Hari Raya, dan Maulidur Rasul. Dalam program-program ini, GBK biasanya menjadi ahli jawatankuasa pelaksana bersama guru-guru lain, menunjukkan komitmen mereka dalam menyokong pengurusan dan pembangunan komuniti sekolah di luar peranan kaunseling.

*"...sekolah ada hari sukan atau apa-apa program jabatan biasa semua cikgu akan terlibat menjadi urusetia..." (AS-R5-No.16)*

Peserta kajian menyatakan bahawa Guru Bimbingan dan Kaunseling turut terlibat sebagai urusetia dalam pelbagai program sekolah dan jabatan, termasuk hari sukan. Penglibatan ini menunjukkan kerjasama menyeluruh antara semua guru, termasuk GBK, dalam menjayakan program sekolah yang berskala besar, sekali gus memperkukuh hubungan kerja berpasukan dalam komuniti sekolah.

Sebahagian besar program yang dianjurkan oleh pihak sekolah melibatkan semua guru sebagai urusetia, termasuk Guru Bimbingan dan Kaunseling yang turut memainkan peranan sebagai ahli jawatankuasa dalam program anjuran pentadbiran sekolah. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan pengalaman Guru Bimbingan dan Kaunseling memiliki banyak persamaan. Hal ini disebabkan semua peserta kajian merupakan guru yang dilantik di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), dengan tugas yang dilaksanakan berdasarkan garis panduan KPM. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa tugas yang dijalankan mengikut kreativiti dan kepakaran mereka dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan. Rajah 5 di bawah merangkumkan dapatan bagi pengalaman Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam kajian ini.



**Rajah 5** Rumusan Dapatan Kajian

Rajah 5 memaparkan keseluruhan tema dan sub tema bagi pengalaman peserta kajian sebagai Guru Bimbingan dan Kaunseling sekolah menengah di sekitar Johor Bahru.

## 5.0 PERBINCANGAN DAN CADANGAN

Berdasarkan penerokaan pengalaman pengkaji mengetahui tugas yang menjadi tanggungjawab seorang Guru Bimbingan dan Kaunseling. Guru Bimbingan dan Kaunseling melaksanakan tugas berdasarkan Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 12 Tahun 2012: Perekayasaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di sekolah yang merangkumi empat fokus utama untuk pembangunan sahsiah dan peningkatan disiplin murid yang harus menjadi tanggungjawab Guru Bimbingan dan Kaunseling. Empat fokus utama yang diteroka melalui pengalaman Guru Bimbingan dan Kaunseling adalah pembangunan dan perkembangan sahsiah diri, peningkatan disiplin murid, pendidikan kerjaya murid dan psikososial dan kesihatan mental murid. Hal ini sebagai skop tugas Guru Bimbingan dan Kaunseling dan mereka wajib melaksanakan program bimbingan, sesi kaunseling individu dan sesi kaunseling kelompok dengan merujuk kepada 4 perkara tersebut.

Selain itu, buku panduan perkhidmatan kaunseling di sekolah rendah dan sekolah menengah oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyatakan Guru Bimbingan dan Kaunseling juga diwajibkan melaksanakan minimum lima sesi individu dan satu sesi kelompok. Melalui pengalaman juga Guru Bimbingan dan Kaunseling berkongsi isu-isu murid yang mereka kendalikan di sekolah seperti ponteng sekolah, penyalahgunaan bahan, seksual, kesihatan mental dan sosioekonomi. Kesemua isu yang dikendalikan mestilah berbalik semula dengan empat fokus utama untuk mencapai hasrat KPM iaitu berusaha meningkatkan pembangunan diri dan sahsiah murid selaras dengan membangunkan modal insan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran serta mempunyai nilai-nilai murni (Surat Siaran Kementerian Pendidikan Malaysia Bilangan 12 Tahun 2012: Perekayasaan Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah).

Peserta kajian kajian adalah berumur antara 40 tahun hingga 45 tahun. Mereka telah memulakan kerjaya mereka sekitar 25 hingga 27 tahun. Manakala tempoh pengalaman peserta kajian pula antara 15 tahun hingga 20 tahun telah berkhidmat sebagai Guru Bimbingan dan Kaunseling. Peserta kajian juga telah berkhidmat di beberapa buah sekolah iaitu antara tiga dan empat buah sekolah menengah. Tempoh pengekalan terhadap kerjaya peserta kajian boleh dianggap sebagai satu tempoh yang agak lama bertahan kekal dalam kerjaya mereka. Tempoh pengalaman bertugas mempengaruhi peningkatan efikasi sendiri Guru Bimbingan dan Kaunseling adalah merasakan keselesaan bekerja kerana dengan teknologi terkini mereka boleh mengetahui pelbagai maklumat dan kemungkinan ada pengalaman bertugas di beberapa sekolah lain. (Noor et al., 2018).

Tanggungjawab Guru Bimbingan dan Kaunseling adalah untuk murid sekolah. Jadi penting untuk mengetahui pengalaman Guru Bimbingan dan Kaunseling berkenaan isu yang kerap berlaku kepada murid sekolah menengah. Melalui pengalaman menguruskan isu-isu murid didapati ada beberapa persamaan isu yang kerap dikendalikan oleh peserta kajian, antaranya adalah disiplin kehadiran, penyalahgunaan bahan, sosioekonomi, seksual dan kesihatan mental. Berdasarkan kajian Johari et al., (2019), isu-isu disiplin, ponteng sekolah, tekanan pembelajaran dan penyalahgunaan dadah dalam kalangan murid sekolah menengah yang berusia antara 13 tahun hingga 18 dan Guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah memainkan peranan yang amat penting dalam isu ponteng sekolah kerana fungsi Guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah bukan sekadar menjalankan perkhidmatan kaunseling secara profesional kepada pelajar bahkan turut membantu guru dalam usaha pemupukan dan penyuburan nilai-nilai murni di sekolah.

Selain itu, pengurusan isu-isu murid yang hadir secara sukarela mahupun dirujuk merupakan sebahagian tanggungjawab guru. Pengalaman mereka mengendalikan isu atau kes murid dapat melatih Guru Bimbingan dan Kaunseling lebih berkemahiran dan lebih berdaya tahan dalam kerjayanya. Berdasarkan temubual bersama peserta kajian terhadap pengalaman mereka mengendalikan isu-isu murid membantu pengkaji untuk melihat sama ada tugas Guru Bimbingan dan Kaunseling menyumbang kepada cabaran dan tekanan semasa bekerja. Dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa terdapat Guru Bimbingan dan Kaunseling kurang pengetahuan dan kemahiran dalam mengendalikan apabila berhadapan kes murid berat seperti terlibat dengan penyalahgunaan dadah. (Ismail et al., 2021). Merujuk kepada *American School Counselor Association (ASCA)*. (2020), mengesyorkan bahawa kaunselor sekolah mempertingkatkan pembangunan peribadi, sosial, akademik dan memudahkan perkhidmatan kaunseling program yang komprehensif. Hal ini menunjukkan bahawa Guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah perlu sentiasa meningkatkan pelbagai pengetahuan supaya boleh berhadapan dengan kepelbagaian isu-isu murid di sekolah.

Guru Bimbingan dan Kaunseling juga perlu mengambil berat tentang kesihatan mental pelajar. Di Malaysia pelajar sekolah menengah berumur antara 13 hingga 17 tahun adalah dalam kategori dan masih di bawah pemantauan ibu bapa. Isu melibatkan kesihatan mental dan memerlukan rawatan pakar memerlukan Guru Bimbingan dan Kaunseling untuk bekerjasama dengan ibu bapa untuk murid yang terlibat mendapatkan rawatan. Jika dahulu kebanyakan saringan kesihatan mental menggunakan soal selidik seperti *Depression Anxiety Stress Scales* (DASS). Selain itu, kajian lepas kebanyakannya dilihat menggunakan soal selidik DASS untuk mengenalpasti tahap tekanan murid. Contohnya dapat dilihat dalam kajian Samsudin, N., & Surat, S. (2022), pengkaji menggunakan instrumen yang diubahsuai daripada *Instrumen Depression, Anxiety and Stress Scale 42* (DASS 42) untuk menilai tahap kesihatan mental pelajar iaitu kemurungan, kebimbangan dan tekanan.

Namun apabila selepas berhadapan dengan penularan Covid-19 terdapat *Prosedur Operasi Standard* (SOP) yang dikeluarkan oleh KPM dengan pendekatan utama yang digunakan bagi program ini ada empat iaitu pencegahan, perkembangan, pemulihan dan krisis. Bermula tahun 2020 KPM telah mengeluarkan surat perkeliling dan Panduan Perlaksanaan Perkhidmatan Kaunseling Serta Minda Sihat Dalam Kebiasaan Baharu (KPM 6-17/22 & JLD .2 (93)-2020). Saringan minda sihat secara talian telah diwajibkan sehingga kini dan perlu dijawab oleh murid melalui pautan SePKM - Minda. Saringan minda sihat dalam kebiasaan baharu yang digunakan adalah yang pertama melalui senarai semak keperluan murid iaitu mengenalpasti isu yang dihadapi oleh murid. Seterusnya yang kedua adalah saringan PHQ 9 (*Patient Health Questionnaire*) iaitu menilai gejala kemurungan. Saringan yang ketiga adalah GAD7 (*Generalised Anxiety Disorder*) iaitu menilai gejala kegelisahan atau keresahan. Seterusnya Murid yang dikenal pasti mempunyai isu berkaitan emosi, perlu menjalani intervensi menggunakan Modul Minda Sihat dan Modul Kesihatan daripada KPM. Kemudahan yang disediakan oleh KPM diguna pakai sehingga kini dan program ini di kendalikan di bawah pantauan Guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah.

Melalui pengalaman peserta kajian dalam menghadapi pelbagai isu-isu pelajar membantu pengkaji mengetahui daya tahan Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam menghadapi pelbagai cabaran dalam dunia pekerjaan mereka. Peserta kajian juga merupakan Guru Bimbingan dan Kaunseling yang mempunyai pengalaman dalam tempoh yang lama dan juga berhadapan dengan isu perubahan norma dalam perkhidmatan seperti semasa Covid -19, selepas fasa Covid -19 dan kembali semua ke norma biasa apabila Covid-19 diistiharkan pada fasa endemik. Semestinya pengalaman peserta kajian ini, menjadikan mereka boleh mengaplikasikan perkhidmatan kaunseling dengan dengan berkualiti. Menurut Saidi et al., (2022), seorang Guru Bimbingan dan Kaunseling atau Guru Bimbingan dan Kaunseling harus diterapkan dengan pengetahuan, kemahiran dan juga disiplin supaya Guru Bimbingan dan Kaunseling dapat mengaplikasikan sesi kaunseling yang terbaik terhadap klien.

Hasil kajian menunjukkan Guru Bimbingan dan Kaunseling juga sama seperti guru-guru akademik terlibat dengan tugas di luar bidang mereka. Guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah bukan sahaja berhadapan dengan cabaran dalam menguruskan segala isu-isu berkaitan dengan murid sekolah tetapi melibatkan tugas yang tidak berkaitan kaunseling. Menurut peserta kajian pemberian tugas dalam penglibatan luar bidang adalah untuk membantu pihak sekolah dalam pelbagai aspek kokurikulum murid, membantu pelajar yang mempunyai masalah pembelajaran dan juga program pentadbiran sekolah. Hasil kajian menunjukkan Guru Bimbingan dan Kaunseling sudah biasa dengan pemberian tugas luar bidang untuk membantu melancarkan aktiviti murid dan pentadbiran sekolah.

Walaupun Guru Bimbingan dan Kaunseling tidak terlibat dalam proses pembelajaran murid di dalam kelas. Namun mereka juga diminta oleh pihak pentadbiran untuk membantu pelajar yang sering gagal dalam subjek penting dalam akademik. Hal ini kerana setiap sekolah perlu memastikan peratusan pelajar peratusan lulus semasa pemeriksaan Sijil Pelajaran Malaysia mencapai sasaran yang ditetapkan pihak pentadbiran. Terutamanya apabila murid yang terlibat merupakan mereka yang melalui fasa pembelajaran atas talian semasa Covid-19 dalam tempoh yang lama dan kemudian beralih semua ke kaedah bersemuka. Menurut kajian daripada Ramli, M., Saputra, N. M. A., & Latif, S. (2024), masalah pembelajaran pelajar sekolah menengah masih menjadi salah satu isu yang semakin meningkat apabila peralihan daripada pembelajaran dalam talian kepada pembelajaran bersemuka semula. Menurutnya lagi, bagi membantu menangani masalah pembelajaran, pihak sekolah juga memerlukan kerjasama guru kaunseling menyediakan strategi khas seperti model perkhidmatan kaunseling rakan sebaya kerana murid kadangkala lebih selesa berkongsi masalah dengan rakan-rakan mereka. Hal ini menunjukkan Guru Bimbingan dan Kaunseling perlu kreatif dan mengoptimalkan pelaksanaan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling kepada murid.

Di dalam kajian ini dapat dilihat Guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah juga mempunyai peranan penting selain daripada skop tugas yang disenaraikan. Penglibatan kerja luar bidang boleh mengganggu tugas perkerjaan utama Guru Bimbingan dan Kaunseling. Johari et al., (2019), menyatakan perkerjaan luar bidang selain kaunseling telah mengambil sebahagian besar masa mereka untuk menguruskan kerja-kerja yang lebih utama berkaitan bidang kaunseling. Menurutnya lagi Guru Bimbingan dan Kaunseling yang diberi pekerjaan tambahan menjadikannya sukar untuk mengimbangi pekerjaan mereka dan boleh menyebabkan tekanan. Hal ini menunjukkan Guru Bimbingan dan Kaunseling akan mempunyai masa yang terhad untuk melaksanakan sesi kaunseling bersama pelajar (Johari, et al., 2019). Pengalaman peserta kajian menerima tugas tambahan luar bidang kaunseling menunjukkan salah satu kebolehan mereka menghadapinya dalam mengimbangi dengan tugas utama. Justeru itu, mempunyai daya tahan adalah penting untuk mereka melaksanakan tugas secara profesional dan berkualiti.

## 6.0 KESIMPULAN

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa Guru Bimbingan dan Kaunseling menyedari pengalaman yang mereka lalui membantu membina daya tahan dalam kerjaya mereka. Kajian masa depan disarankan untuk menggunakan pendekatan kuantitatif dengan melibatkan soal selidik dan jumlah peserta kajian yang lebih besar. Dengan menambah bilangan peserta, lokasi kajian juga boleh diperluaskan untuk merangkumi Guru Bimbingan dan Kaunseling di seluruh Malaysia. Pendekatan ini akan memberikan data yang lebih menyeluruh dan mewakili populasi yang lebih besar. Selain itu, dapatan kajian kuantitatif boleh dibandingkan dengan kajian kualitatif sebelumnya untuk mendapatkan analisis yang lebih mendalam. Perbandingan antara data kualitatif dan kuantitatif dapat menghasilkan pemahaman yang lebih terperinci dan komprehensif tentang daya tahan Guru Bimbingan dan Kaunseling dalam menjalankan tugas mereka. Hasil kajian mendapati melalui pengalaman yang dilalui oleh Guru Bimbingan dan Kaunseling terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada daya tahan mereka. Lapan faktor daya tahan tersebut adalah sumber pendapatan, sistem sokongan, minat kerjaya, kerohanian, ilmu pengetahuan, berfikir positif dan tanggungjawab. Lapan faktor daya tahan ini menyebabkan Guru Bimbingan dan Kaunseling mempunyai daya tahan dalam menghadapi cabaran, perubahan dan kesukaran di tempat kerja.

## Penghargaan

Penulis ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Fakulti Pendidikan Sains (FEST) & Teknologi dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas galakan mereka terhadap projek ini. Penghargaan turut ditujukan kepada para peserta kajian yang telah meluangkan masa dan memberikan maklum balas yang sangat bermakna bagi kajian ini.

## Konflik Kepentingan

Penulis dengan ini mengisytiharkan bahawa tiada konflik kepentingan berkaitan dengan penerbitan artikel ini

## Rujukan

- Ahmad, B., Latif, S., Bilal, A., Hai, M. (2019). The mediating role of career resilience on the relationship between career competency and career success. *Asia-Pacific Journal of Business Administration*, 11(3), 209-231. DOI: <http://dx.doi.org/10.1108/APJBA-04-20190079>
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*, 84(2), 191-215. DOI: <https://doi.org/10.1037/0033-295X.84.2.191>
- Bali-Mahomed, N. J., Ku-Johari, K. S., Mahmud, M. I., Amat, S., & Saadon, S. (2022). Psychological well-being of school counsellors model. *European Journal of Educational Research*, 11(2), 621-638. DOI: <http://dx.doi.org/10.12973/eu-jer.11.2.621>
- Creswell, J. W. (2007). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (3rd ed.). Sage Publication.
- Etikan, I., Musa, S. A., & Alkassim, R. S. (2016). Comparison of convenience sampling and purposive sampling. *American Journal of Theoretical and Applied Statistics*, 5(1), 1-4. DOI: <http://dx.doi.org/10.11648/j.ajtas.20160501.11>
- Holland, J. L., & Super, D. E. (1987). The power of Holland's theory of career development. *Journal of Vocational Behavior*, 31(2), 179-194. <https://www.researchgate.net/publication/358119611>
- Johari, M. F., Kamsani, S. R., & Abdul Ghani, M. (2022). Tingkah laku mencederakan diri sendiri dalam kalangan remaja: Satu kajian konseptual. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 25, 217-238. <https://doi.org/10.32890/jps2022.25.10>
- Kumar, S. (2017). Challenges faced by school counselors in India: A qualitative study. *Journal of School Counseling*, 15(1), 1-24. DOI: <https://doi.org/10.35631/IJEP.638003>
- Kwon, K. I., & Jo, S. Y. (2012). The relationship among counselor experience level, empathic accuracy, and counseling outcome in the early phase of counseling. *Asia Pacific Education Review*, 13, 771-777. DOI: <https://doi.org/10.1007/s12564-012-9235-8>
- Liamputtong, P. (2009). *Qualitative research methods*. Sage Publication.
- Litam, S. D. A., Ausloos, C. D., & Harrichand, J. J. (2021). Stress and resilience among professional counselors during the COVID-19 pandemic. *Journal of Counseling & Development*, 99(4), 384-395. DOI: <http://dx.doi.org/10.1002/jcad.12391>
- Noor, A. N., Amat, S., & Bakar, A. Y. A. (2018). Efikasi kendiri kaunseling dan kecekapan kaunseling pelbagai budaya dalam kalangan guru bimbingan dan kaunseling sekolah menengah di Malaysia. *Jurnal Psikoedukasi dan Konseling*, 2(2), 14-21. DOI: <http://dx.doi.org/10.20961/jpk.v2i2.16286>
- Nor Zainudin, Z., Hassan, S. A., Ahmad, N. A., Mohamad Yusop, Y., Wan Othman, W. N., & Alias, B. S. (2021). A comparison of a client's satisfaction between online and face-to-face counselling in a school setting. *Pertanika Journal of Social Science and Humanities*, 29(S1), 135-153. DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.29.s1.08>
- Saidi, L. A., Kassim, Z., Ramli, S. N. S., Rahaman, N. H., Yusuf, W. S. E. Y. W., & Abdullah, R. C. T. M. (2022). Kompetensi guru bimbingan dan kaunseling dalam kesihatan mental. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 160-168. DOI: <http://dx.doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.12>
- Shah, K. M. (2019). Efficiency of counselor in conducting various cultural counseling services. *Akademika*, 89(2), 201-211. <http://ejournals.ukm.my/akademika/issue/view/1191>
- Sidek Mohd Noah. (2001). *Perkembangan kerjaya: Teori dan praktis*. Serdang.